

Bil. S 80

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH ARKITEK, JURUTERA PROFESIONAL DAN  
JURUUKUR BAHAN, 2011**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Perintah ini tidak dikenakan kepada Kerajaan.

**BAHAGIAN II**

**LEMBAGA ARKITEK, JURUTERA PROFESIONAL DAN  
JURUUKUR BAHAN**

4. Penubuhan Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan.
5. Mesyuarat Lembaga.
6. Tugas-tugas Lembaga.
7. Jawatankuasa.
8. Daftar.
9. Lantikan dan kewajipan-kewajipan Pendaftar.

**BAHAGIAN III**

**KEISTIMEWAAN ARKITEK, JURUTERA PROFESIONAL DAN  
JURUUKUR BAHAN**

10. Amalan seni bina yang menyalahi undang-undang.
11. Amalan kejuruteraan profesional yang menyalahi undang-undang.
12. Amalan ukur bahan yang menyalahi undang-undang.
13. Ganjaran bagi perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan yang diberikan.
14. Penggajian arkitek tidak berdaftar, jurutera profesional tidak berdaftar atau juruukur bahan tidak berdaftar adalah dilarang.
15. Kerja kecil bangunan.
16. Hubungan di antara arkitek dan jurutera profesional.

**BAHAGIAN IV**

**PENDAFTARAN ARKITEK, JURUTERA PROFESIONAL DAN JURUUKUR BAHAN**

17. Kelayakan bagi pendaftaran.
18. Pendaftaran arkitek khas, jurutera profesional khas dan juruukur bahan khas.
19. Permohonan bagi pendaftaran.
20. Sijil pendaftaran.
21. Pindaan daftar arkitek, daftar jurutera profesional atau daftar juruukur bahan.
22. Pengeluaran dari daftar.
23. Pemasukan semula.
24. Rayuan.

## **BAHAGIAN V**

### **SIJIL MENJALANKAN AMALAN**

25. Sijil menjalankan amalan.
26. Pembatalan sijil menjalankan amalan.

## **BAHAGIAN VI**

### **AMALAN PELBAGAI DISIPLIN DAN KORPORAT**

27. Lesen bagi amalan pelbagai disiplin dan korporat.
28. Syarat-syarat lesen untuk menjalankan amalan.
29. Perubahan komposisi lembaga pengarah, ahli dll.
30. Insurans liabiliti.
31. Hubungan di antara klien dan badan korporat berlesen.
32. Tanggungjawab profesional arkitek penyelia, jurutera profesional penyelia atau juruukur bahan penyelia.
33. Pembatalan lesen.
34. Rayuan terhadap perintah Lembaga.

## **BAHAGIAN VII**

### **PROSIDING TATATERTIB**

35. Lantikan Panel Penyiasatan.
36. Aduan terhadap arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar.
37. Kajian semula aduan.
38. Lantikan Jawatankuasa Penyiasatan.
39. Kuasa-kuasa dan prosedur Jawatankuasa Penyiasatan.
40. Pendapat Jawatankuasa Penyiasatan.

41. Keputusan Lembaga.
42. Lantikan Jawatankuasa Tatatertib.
43. Pemerhati.
44. Arkitek, jurutera profesional atau juruukur bahan hendaklah diberitahu mengenai siasatan.
45. Kuasa-kuasa dan prosedur Jawatankuasa Tatatertib.
46. Pendapat Jawatankuasa Tatatertib.
47. Keputusan Lembaga.
48. Rayuan terhadap perintah Lembaga.
49. Sabitan adalah terakhir dan muktamad.
50. Penyampaian dokumen.

**BAHAGIAN VIII**

**AM**

51. Hukuman kerana memalsukan daftar dengan sengaja dan memperolehi pendaftaran dengan salah dll.
  52. Kesalahan yang dilakukan oleh badan korporat dll.
  53. Pengecualian.
  54. Tiada tindakan sekiranya tidak ada niat buruk atau niat jahat.
  55. Aturan-aturan.
-

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**{Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3)}**

**PERINTAH ARKITEK, JURUTERA PROFESIONAL DAN  
JURUUKUR BAHAN, 2011**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan, 2011 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk menubuhkan Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan, untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran arkitek, jurutera profesional dan juruukur bahan, untuk mengawalselia kelayakan dan amalan arkitek, jurutera profesional dan juruukur bahan, dan pemberian perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional dan ukur bahan di Negara Brunei Darussalam oleh perbadanan dan perkongsian pelbagai disiplin".

**Tafsiran.**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"profesional bersekutu" bermakna —

(a) seseorang arkitek, selain daripada seseorang arkitek kapal atau seseorang arkitek landskap, yang didaftarkan di bawah Perintah ini;

(b) seseorang jurutera profesional yang didaftarkan di bawah Perintah ini; atau

(c) seseorang juruukur bahan yang didaftarkan di bawah Perintah ini;

"perkhidmatan seni bina" termasuk menjual atau memberikan bagi keuntungan atau upah apa-apa pelan seni bina, lukisan, surihan atau seumpamanya untuk digunakan dalam pembinaan, pembesaran atau pengubahan mana-mana bangunan atau sebahagiannya;

"Lembaga" bermakna Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan yang ditubuhkan di bawah bab 4(1);

"bangunan" bermakna mana-mana bangunan atau struktur kekal atau sementara dan termasuk —

(a) pondok, bangsal atau lingkungan beratap yang termasuk kios atau gerai, boleh alih atau pun selainnya;

(b) struktur penahan atau penstabil tanah, sama ada kekal atau sementara;

(c) limbungan, dermaga atau jeti;

(d) struktur terapung, bukannya sesbuah bot atau vesel, yang dibina atau akan dibina di atas suatu sistem pengapungan yang —

(i) ditopang atau akan ditopang dengan air;

(ii) tidak dimaksudkan untuk atau boleh digunakan dalam pelayaran; dan

(iii) ditambat atau akan ditambat secara kekal;

(e) pembetung, lintasan, jalan masuk, jambatan, jalan bawah atau terowong;

(f) loji rawatan kumbahan, betung, saliran, kolam renang atau mana-mana jenis tangki konkrit bukan proprietor bagi menyimpan apa-apa produk pepejal, cecair atau bergas; dan

(g) binaan atau struktur lain (sama ada kekal atau sementara) sebagaimana yang mungkin diisyiharkan oleh Menteri sebagai suatu bangunan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*;

"pihak berkuasa bangunan" bermakna mana-mana orang yang diberi kuasa untuk meluluskan pelan-pelan kerja bangunan;

"kerja bangunan" bermakna —

(a) membina, menyambung atau meroboh suatu bangunan;

(b) mengubah, menambah atau membaiki suatu bangunan;

(c) menyediakan, meluaskan atau mengubah sebarang perkhidmatan penyaman udara atau sistem pengalihudaraan di dalam atau berhubung dengan suatu bangunan;

(d) kerja pembentukan tapak (yang termasuk kerja tanah seperti meratakan, memotong dan menimbus) yang mungkin atau tidak mungkin berkaitan dengan atau dijalankan bagi maksud perenggan (a), (b) atau (c); dan

(e) kerja struktur;

"sijil pendaftaran" bermakna sijil pendaftaran yang dikeluarkan di bawah bab 20(1);

"lesen" bermakna suatu lesen untuk memberikan perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan di Negara Brunei Darussalam yang diberikan di bawah bab 27;

"Menteri" bermakna Menteri yang pada masa itu diberi tanggungjawab bagi pembangunan;

"sijil menjalankan amalan" bermakna suatu sijil tahunan yang dikeluarkan di bawah bab 25 yang membenarkan pemegangnya untuk melibatkan diri dalam amalan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan di Negara Brunei Darussalam;

"perkhidmatan kejuruteraan profesional" bermakna perkhidmatan pakar runding atau nasihat yang menghendaki seseorang untuk melibatkan diri dalam kerja kejuruteraan profesional;

"kerja kejuruteraan profesional" termasuk apa-apa perkhidmatan, perundingan, penyiasatan, penilaian, perancangan, rekabentuk, atau penyeliaan bertanggungjawab dalam pembinaan atau pengendalian berhubung dengan mana-mana utiliti awam, bangunan, mesin, kelengkapan, proses, kerja atau projek milik awam atau persendirian yang ada berkenaan dengan atau membabitkan kepentingan awam dan kebajikan, atau perlindungan nyawa, kesihatan awam atau harta, dan yang menghendaki penggunaan prinsip dan data kejuruteraan profesional;

"daftar arkitek" bermakna daftar arkitek yang disebut dalam bab 8(1)(a);

"daftar pemegang lesen" bermakna daftar pemegang lesen yang disebut dalam bab 8(1)(e);

"daftar pengamal" bermakna daftar pengamal yang disebut dalam bab 8(1)/d);

"daftar jurutera profesional" bermakna daftar jurutera profesional yang disebut dalam bab 8(1)/b);

"daftar juruukur bahan" bermakna daftar juruukur bahan yang disebut dalam bab 8(1)/c);

"arkitek berdaftar" bermakna seseorang yang didaftarkan sebagai arkitek di bawah bab 17;

"jurutera profesional berdaftar" bermakna seseorang yang didaftarkan sebagai jurutera profesional di bawah bab 17;

"juruukur bahan berdaftar" bermakna seseorang yang didaftarkan sebagai juruukur bahan di bawah bab 17;

"Pendaftar" bermakna Pendaftar Lembaga yang dilantik di bawah bab 9.

**Perintah ini tidak dikenakan kepada Kerajaan.**

3. (1) Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh dikenakan kepada apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh Kerajaan atau oleh seseorang pegawai kerajaan di bawah kuasa Kerajaan.

(2) Perintah ini tidak boleh ditafsirkan sebagai menghendaki mana-mana pihak berkuasa awam yang memberikan perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan di Negara Brunei Darussalam di bawah peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis untuk mendapatkan suatu lesen.

(3) Dalam ceraian (2), "pihak berkuasa awam" bermakna mana-mana badan yang ditubuhkan oleh atau di bawah sebarang undang-undang bertulis dan menjalankan kuasa-kuasa yang terletakhak padanya menurut sebarang undang-undang bertulis bagi suatu maksud awam.

**BAHAGIAN II**

**LEMBAGA ARKITEK, JURUTERA PROFESIONAL DAN  
JURUUKUR BAHAN**

**Penubuhan Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan.**

4. (1) Adalah dengan ini ditubuhkan sebuah lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan.

(2) Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut —

(a) Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan kerana jawatan yang akan menjadi Pengerusi;

(b) 10 orang ahli lain yang akan dilantik oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang mempunyai kelayakan, pengetahuan atau pengalaman yang berkaitan dalam bidang-bidang yang berikut —

- (i) seni bina;
- (ii) kejuruteraan profesional;
- (iii) ukur bahan.

(3) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, melantik salah seorang ahli sebagai Timbalan Pengerusi.

(4) Jika Pengerusi tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini kerana sakit, tiada di Negara Brunei Darussalam atau kerana sebarang sebab lain, tugas-tugasnya hendaklah dijalankan oleh Timbalan Pengerusi.

(5) Tempoh lantikan ahli-ahli di bawah bab 4(2)(b) adalah 3 tahun tetapi dia adalah layak untuk dilantik semula.

(6) Seseorang itu tidak boleh dilantik di bawah bab 4(2)(b) sebagai seorang ahli —

(a) jika dia seorang bankrap yang belum dilepaskan atau telah membuat sebarang penyusunan atau komposisi dengan pemutang-pemutangnya;

(b) jika dia disabitkan atas sebarang kesalahan yang melibatkan penipuan, ketidakjujuran atau keburukan akhlak, atau sebarang kesalahan lain yang membayangkan kecacatan pada perangainya yang menjadikannya tidak layak bagi profesion seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan;

(c) jika dia tidak sempurna akal atau menjadi tidak berupaya kerana penyakit badan; atau

(d) jika dia telah pada bila-bila masa, selepas menjalankan siasatan, didapati bersalah oleh Lembaga kerana berkelakuan tidak senonoh.

(7) Jawatan seseorang ahli yang dilantik di bawah bab 4(2)(b) akan terkosong jika dia —

(a) meletakkan jawatan atau dipecat dari jawatan; atau

(b) dalam apa-apa cara dibatalkan kelayakannya dari jawatan dalam makna ceraian (6),

dan sebarang kekosongan hendaklah diisi dengan seberapa segera yang boleh dengan cara bagaimana lantikan ke jawatan yang kosong itu dibuat; dan tiap-tiap orang yang dilantik itu hendaklah memegang jawatan bagi tempoh selebihnya dari tempoh lantikan ahli yang digantikannya itu.

(8) Semua perbuatan yang dilakukan oleh Lembaga adalah sah, walau pun terdapat sebarang kekosongan dalam Lembaga atau kemudiannya didapati terdapat kecacatan dalam lantikan mana-mana orang yang dikatakan sebagai ahlinya, seolah-olah kekosongan atau kecacatan tersebut tidak wujud.

(9) Sebarang persoalan tentang sama ada seseorang itu tidak lagi menjadi ahli Lembaga hendaklah diputuskan oleh Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

#### **Mesyuarat Lembaga.**

5. (1) Semasa ketiadaan Pengerusi dalam mana-mana mesyuarat Lembaga, Timbalan Pengerusi hendaklah menjadi Pengerusi bagi mesyuarat itu dan jika Timbalan Pengerusi juga tidak hadir, Menteri hendaklah memilih mana-mana ahli lain untuk menjadi Pengerusi bagi mesyuarat itu.

(2) *Korum* Lembaga adalah 6.

(3) Keputusan Lembaga hendaklah diambil dengan kelebihan undi dan sekiranya terdapat persamaan undi, Pengerusi atau, semasa ketiadaannya Timbalan Pengerusi atau mana-mana ahli lain yang mempengerusikan mesyuarat itu, hendaklah mempunyai undi pemutus.

(4) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, Lembaga boleh menentukan prosedurnya sendiri.

(5) Lembaga hendaklah menyebabkan supaya rekod prosidingnya yang betul disimpan.

#### **Tugas-tugas Lembaga.**

6. Tugas-tugas Lembaga adalah —

(a) untuk menyimpan dan menyelenggarakan suatu daftar arkitek, jurutera profesional dan juruukur bahan, suatu daftar pengamal seni bina, kejuruteraan profesional dan ukur bahan dan suatu daftar pemegang lesen;

(b) untuk mengadakan atau mengaturkan supaya diadakan peperiksaan-peperiksaan sebagaimana yang dianggap perlu oleh Lembaga bagi maksud membolehkan orang-orang layak didaftarkan di bawah Perintah ini;

(c) untuk meluluskan atau menolak permohonan-permohonan bagi pendaftaran di bawah Perintah ini atau untuk meluluskan sebarang permohonan tersebut tertakluk kepada sekatan-sekatan sebagaimana yang mungkin dianggap patut untuk dikenakan oleh Lembaga;

(d) untuk membatalkan, mengeluarkan atau memasukkan semula sebarang pendaftaran;

(e) untuk mencadangkan, dengan kebenaran Menteri, jadual bayaran yang akan dikenakan oleh arkitek, jurutera profesional dan juruukur bahan bagi perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional dan ukur bahan yang diberikan;

(f) untuk menetapkan, menyelenggarakan dan mengadakan piawaian kelakuan dan etika profesional bagi profesion seni bina, kejuruteraan profesional dan ukur bahan;

(g) untuk menggalakkan pembelajaran dan pendidikan berhubung dengan seni bina, kejuruteraan profesional dan ukur bahan;

(h) untuk mendengar dan memutuskan pertikaian berkenaan dengan kelakuan atau etika profesional arkitek, jurutera profesional dan juruukur bahan berdaftar atau untuk melantik suatu jawatankuasa atau seorang penimbangtara bagi mendengar dan memutuskan pertikaian itu;

(i) untuk melantik penimbangtara-penimbangtara bagi maksud mendengar dan memutuskan pertikaian di antara arkitek, jurutera profesional atau juruukur bahan berdaftar atau perbadanan atau perkongsian berlesen dan orang lain;

(j) untuk melesenkan perbadanan atau perkongsian pelbagai disiplin yang berhasrat hendak memberikan perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan di Negara Brunei Darussalam; dan

(k) pada amnya untuk melakukan semua perbuatan, perkara atau hal yang perlu dilaksanakan di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini.

#### Jawatankuasa.

7. Lembaga boleh melantik jawatankuasa-jawatankuasa daripada kalangan ahli-ahlinya, arkitek-arkitek berdaftar, jurutera-jurutera profesional berdaftar atau juruukur-juruukur bahan berdaftar sebagaimana yang difikirkannya patut untuk membantu atau memberi nasihat kepada Lembaga mengenai perkara-

perkara yang timbul dari tugas-tugasnya di bawah Perintah ini yang dirujukkan kepadanya oleh Lembaga.

**Daftar.**

8. (1) Lembaga hendaklah menyimpan dan menyelenggarakan di pejabatnya —

(a) suatu daftar arkitek yang dicatatkan di dalamnya nama semua orang yang didaftarkan di bawah Perintah ini, alamat perniagaan, kelayakan yang menurutnya mereka itu didaftarkan dan butir-butir lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga;

(b) suatu daftar jurutera profesional yang dicatatkan di dalamnya nama semua orang yang didaftarkan di bawah Perintah ini, alamat perniagaan, kelayakan yang menurutnya mereka itu didaftarkan dan butir-butir lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga;

(c) suatu daftar juruukur bahan yang dicatatkan di dalamnya nama semua orang yang didaftarkan di bawah Perintah ini, alamat perniagaan, kelayakan yang menurutnya mereka itu didaftarkan dan butir-butir lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga;

(d) suatu daftar tahunan pengamal seni bina, kejuruteraan profesional dan ukur bahan yang dicatatkan di dalamnya butir-butir yang terkandung dalam pengakuan yang dibuat di bawah bab 25(3)(a);

(e) suatu daftar tahunan pemegang lesen yang dicatatkan di dalamnya nama dan alamat semua perbadanan dan perkongsian yang telah dikeluarkan suatu lesen dan butir-butir lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga.

(2) Hendaklah ditunjukkan bersetentangan dengan nama tiap-tiap orang dalam daftar jurutera profesional cabang atau cabang-cabang kejuruteraan profesional yang pada pendapat Lembaga jurutera profesional berdaftar itu layak untuk menjalankan amalan.

**Lantikan dan kewajipan-kewajipan Pendaftar.**

9. (1) Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, boleh melantik seorang Pendaftar Lembaga bagi maksud-maksud Perintah ini.

(2) Pendaftar hendaklah —

(a) berada di bawah arahan am Lembaga;

(b) menandatangani semua sijil pendaftaran, sijil menjalankan amalan dan lesen; dan

(c) merekodkan semua catatan pendaftaran, pembatalan dan pemasukan semula dalam daftar arkitek, daftar jurutera profesional, daftar juruukur bahan, daftar pengamal seni bina, kejuruteraan profesional dan ukur bahan atau daftar pemegang lesen.

(3) Pendaftar hendaklah menghadiri semua mesyuarat Lembaga dan merekodkan prosidingnya, dan hendaklah mengendalikan surat-menyurat dan menangani perkara-perkara sebagaimana yang mungkin ditugaskan kepadanya oleh Pengerusi atau Lembaga.

(4) Pendaftar hendaklah —

(a) dengan seberapa segera yang boleh selepas 1hb Januari setiap tahun, menyediakan dan menyiaran dalam *Warta Kerajaan* satu senarai yang mengandungi nama-nama, kelayakan-kelayakan dan alamat-alamat semua arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar (dalam hal jurutera profesional, termasuk cabang atau cabang-cabang kejuruteraan profesional yang disebut dalam kelayakan-kelayakan itu) dan juruukur bahan berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa; dan

(b) menyiaran dalam *Warta Kerajaan* nama-nama, kelayakan-kelayakan dan alamat-alamat arkitek, jurutera profesional dan juruukur bahan yang dimasukkan ke dalam, dikeluarkan dari atau dimasukkan semula ke dalam daftar pengamal seni bina, kejuruteraan profesional dan ukur bahan.

(5) Dalam sebarang prosiding, satu senarai yang disiarkan di bawah ceraian (4) adalah keterangan yang mencukupi bahawa orang-orang yang namanya terdapat dalam senarai itu adalah arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar dan juruukur bahan berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa.

(6) Pendaftar boleh menawarkan untuk jualan salinan-salinan Daftar.

### BAHAGIAN III

#### KEISTIMEWAAN ARKITEK, JURUTERA PROFESIONAL DAN JRUUKUR BAHAN

**Amalan seni bina yang menyalahi undang-undang.**

10. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, tiada sesiapa pun boleh melukis atau menyediakan apa-apa pelan seni bina, lukisan, surihan, rekabentuk, spesifikasi atau dokumen lain yang dimaksudkan untuk mengawal pembinaan, pembesaran atau pengubahan mana-mana bangunan atau sebahagiannya di Negara Brunei Darussalam melainkan jika dia —

- (a) adalah seorang arkitek berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa;
- (b) berada di bawah arahan atau penyeliaan seorang arkitek berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa; atau
- (c) dibenarkan oleh Lembaga untuk bekerja bersama-sama dengan (tetapi tanpa hak kepada sebarang amalan bebas) seorang arkitek berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa yang membenarkan arkitek berdaftar itu untuk melibatkan diri dalam perkhidmatan seni bina tersebut.

(2) Lembaga boleh memberikan kebenarannya kepada mana-mana orang di bawah ceraian (1)(c) tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut untuk dikenakan.

(3) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, tiada sesiapa pun boleh menandatangani dan mengemukakan kepada pihak berkuasa bangunan atau pihak berkuasa awam —

- (a) apa-apa pelan seni bina, lukisan, surihan, rekabentuk, spesifikasi atau dokumen lain yang dimaksudkan untuk mengawal pembinaan, pembesaran atau pengubahan mana-mana bangunan atau sebahagiannya di Negara Brunei Darussalam; atau

- (b) apa-apa laporan, sijil atau dokumen lain berkenaan dengan pembinaan, pembesaran atau pengubahan mana-mana bangunan atau sebahagiannya yang dikehendaki oleh sebarang undang-undang bertulis untuk ditandatangani oleh seseorang arkitek,

melainkan jika dia adalah seorang arkitek berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa.

(4) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, tiada sesiapa pun boleh menggunakan secara lisan atau pun selainnya —

- (a) perkataan "arkitek" atau sebarang kata terbitan lain berhubung dengan gelaran perniagaannya;

- (b) singkatan "Ar." atau "Arch." sebagai gelaran sebelum namanya; atau

- (c) apa-apa perkataan, nama atau gelaran yang mungkin membawa kepada kepercayaan bahawa dia adalah seorang arkitek berdaftar,

melainkan jika dia adalah seseorang arkitek berdaftar.

(5) Jika Lembaga telah membenarkan mana-mana orang di bawah ceraian (1)/(c) untuk bekerja bersama-sama dengan seorang arkitek berdaftar, Lembaga boleh membenarkan orang itu untuk menggunakan tambahan kepada atau kata terbitan dari perkataan "arkitek" sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Lembaga.

(6) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, tiada sesiapa pun boleh mengiklankan atau mengemukakan dirinya atau berkelakuan dalam apa jua cara atau dengan apa-apa jalan sebagai seorang yang dibenarkan untuk memberikan perkhidmatan seni bina di Negara Brunei Darussalam, melainkan jika dia adalah —

- (a) seorang arkitek berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa;
- (b) suatu badan korporat berlesen;
- (c) suatu perkongsian berlesen;
- (d) suatu perkongsian tanggungan berhad berlesen; atau
- (e) suatu perkongsian yang semuanya terdiri daripada arkitek-arkitek berdaftar.

(7) Tiada sebarang apa pun dalam ceraian (6) boleh dikenakan untuk menghalang suatu badan korporat yang tidak lagi mempunyai suatu lesen yang berkuatkuasa dari menjalankan apa-apa aktiviti yang perlu bagi penggulungan badan korporat itu.

(8) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, tiada sesiapa pun boleh memberikan atau menawarkan untuk memberikan perkhidmatan seni bina di Negara Brunei Darussalam melainkan jika dia adalah —

- (a) seorang arkitek berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa dan berbuat demikian atas tanggungannya sendiri atau sebagai seorang rakan kongsi dalam suatu perkongsian berlesen atau suatu perkongsian yang semuanya terdiri daripada arkitek-arkitek berdaftar yang masing-masing mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa;
- (b) seorang profesional bersekutu dan berbuat demikian hanya kerana sebagai seorang rakan kongsi dalam suatu perkongsian berlesen; atau
- (c) suatu badan korporat atau perkongsian tanggungan berhad berlesen.

(9) Mana-mana orang yang melanggar ceraian-ceraian (1), (3), (4), (6) atau (8) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh sabit kesalahan —

(a) berkaitan dengan kesalahan pertama, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000; dan

(b) berkaitan dengan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(10) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh ditafsirkan sebagai mengizinkan atau membenarkan mana-mana badan korporat atau perkongsian berlesen untuk memberikan apa-apa perkhidmatan seni bina yang ia tidak dilesenkan untuk memberikannya.

**Amalan kejuruteraan profesional yang menyalahi undang-undang.**

11. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, tiada sesiapa pun boleh melibatkan diri dalam mana-mana cabang kerja kejuruteraan profesional yang ditetapkan di Negara Brunei Darussalam atau melukis atau menyediakan apa-apa pelan, lakaran, lukisan, rekabentuk, spesifikasi atau dokumen lain berkenaan dengan mana-mana cabang kerja kejuruteraan profesional yang ditetapkan di Negara Brunei Darussalam melainkan jika dia —

(a) adalah seorang jurutera profesional berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa yang membenarkannya untuk melibatkan diri dalam cabang kerja kejuruteraan profesional itu;

(b) berada di bawah arahan atau penyeliaan seorang jurutera profesional berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa yang membenarkan jurutera profesional berdaftar itu untuk melibatkan diri dalam cabang kerja kejuruteraan profesional itu; atau

(c) dibenarkan oleh Lembaga untuk bekerja bersama-sama dengan (tetapi tanpa hak kepada sebarang amalan bebas) seorang jurutera profesional berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa yang membenarkan jurutera profesional berdaftar itu untuk melibatkan diri dalam cabang kerja kejuruteraan profesional itu.

(2) Lembaga boleh memberikan kebenarannya kepada mana-mana orang di bawah ceraian (1)(c) tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut untuk dikenakan.

(3) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, tiada sesiapa pun boleh menandatangani dan mengemukakan kepada pihak berkuasa bangunan atau pihak berkuasa awam —

(a) apa-apa pelan, lakaran, lukisan, rekabentuk, spesifikasi atau dokumen lain berkenaan dengan sebarang kerja kejuruteraan profesional di Negara Brunei Darussalam; atau

(b) apa-apa laporan mengenai atau sijil atau dokumen lain berkenaan dengan sebarang kerja kejuruteraan profesional di Negara Brunei Darussalam yang dikehendaki oleh sebarang undang-undang bertulis untuk ditandatangani oleh seseorang jurutera profesional,

melainkan jika dia adalah seorang jurutera profesional berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa yang membenarkannya untuk melibatkan diri dalam cabang kerja kejuruteraan profesional itu.

(4) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, tiada sesiapa pun boleh menggunakan secara lisan atau pun selainnya —

(a) perkataan-perkataan "jurutera profesional" atau "jurutera" atau sebarang tambahan kepada atau kata terbitan dari perkataan-perkataan tersebut berhubung dengan gelarannya;

(b) singkatan "Ir." atau "Er." sebagai gelaran sebelum namanya; atau

(c) apa-apa perkataan, nama atau gelaran yang mungkin membawa kepada kepercayaan bahawa dia adalah seorang jurutera profesional berdaftar,

melainkan jika dia adalah seorang jurutera profesional berdaftar.

(5) Jika Lembaga telah membenarkan mana-mana orang di bawah ceraian (1)(c) untuk bekerja bersama-sama dengan seseorang jurutera profesional berdaftar, Lembaga boleh membenarkan orang itu untuk menggunakan tambahan kepada atau kata terbitan dari perkataan-perkataan "jurutera profesional" atau "jurutera" sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Lembaga.

(6) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, tiada sesiapa pun boleh mengiklankan atau mengemukakan dirinya atau berkelakuan dalam apa jua cara atau dengan apa-apa jalan sebagai seorang yang dibenarkan untuk memberikan perkhidmatan kejuruteraan profesional di Negara Brunei Darussalam, melainkan jika dia adalah —

(a) seorang jurutera profesional berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa;

(b) suatu badan korporat berlesen;

(c) suatu perkongsian berlesen;

(d) suatu perkongsian tanggungan berhad berlesen; atau

(e) suatu perkongsian yang semuanya terdiri daripada jurutera-jurutera profesional berdaftar.

(7) Tiada sebarang apa pun dalam ceraian (6) boleh dikenakan untuk menghalang suatu badan korporat yang tidak lagi mempunyai suatu lesen yang berkuatkuasa dari menjalankan apa-apa aktiviti yang perlu bagi penggulungan badan korporat itu.

(8) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, tiada sesiapa pun boleh memberikan atau menawarkan untuk memberikan perkhidmatan kejuruteraan profesional di Negara Brunei Darussalam melainkan jika dia adalah —

(a) seorang jurutera profesional berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa yang membenarkannya untuk melibatkan diri dalam kerja kejuruteraan profesional yang disebut dalam perkhidmatan itu, dan berbuat demikian atas tanggungannya sendiri atau sebagai seorang rakan kongsi dalam suatu perkongsian berlesen atau suatu perkongsian yang semuanya terdiri daripada jurutera-jurutera profesional berdaftar yang masing-masing mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa;

(b) seorang profesional bersekutu dan berbuat demikian hanya kerana sebagai seorang rakan kongsi dalam suatu perkongsian berlesen; atau

(c) suatu badan korporat atau perkongsian tanggungan berhad berlesen.

(9) Mana-mana orang yang melanggar ceraian-ceraian (1), (3), (4), (6) atau (8) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh sabit kesalahan —

(a) berkaitan dengan kesalahan pertama, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000; dan

(b) berkaitan dengan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(10) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh ditafsirkan sebagai mengizinkan atau membenarkan mana-mana badan korporat atau perkongsian berlesen untuk memberikan apa-apa perkhidmatan kejuruteraan profesional yang ia tidak dilesenkan untuk memberikannya.

(11) Dalam bab ini, "cabang kerja kejuruteraan profesional yang ditetapkan" bermakna —

(a) kejuruteraan awam;

- (b) kejuruteraan elektrik;
- (c) kejuruteraan mekanikal; dan
- (d) cabang lain kejuruteraan sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

**Amalan ukur bahan yang menyalahi undang-undang.**

12. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, tiada sesiapa pun boleh menyediakan bagi projek pembinaan di Negara Brunei Darussalam, apa-apa laporan kajian kemungkinan kos, anggaran permulaan, pelan kos, dokumen dan laporan prakehayakan kontraktor, bil kuantiti dan dokumen tender lain, anggaran dan laporan tender, dokumen kontrak dan penilaian kerja bagi pembayaran interim, akaun berubah-ubah dan terakhir, melainkan jika dia —

- (a) adalah seorang juruukur bahan berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa;
- (b) berada di bawah arahan atau penyeliaan seorang juruukur bahan berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa; atau
- (c) dibenarkan oleh Lembaga untuk bekerja bersama-sama dengan (tetapi tanpa hak kepada sebarang amalan bebas) seorang juruukur bahan berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa yang memberangkan juruukur bahan berdaftar itu untuk melibatkan diri dalam perkhidmatan ukur bahan itu.

(2) Lembaga boleh memberikan kebenarannya kepada mana-mana orang di bawah ceraian (1)(c) tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut untuk dikenakan.

(3) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, tiada sesiapa pun boleh menandatangani dan mengemukakan kepada pihak berkuasa bangunan atau pihak berkuasa awam —

- (a) apa-apa anggaran, pelan kos, bil kuantiti atau dokumen lain berkenaan dengan sebarang kerja ukur bahan di Negara Brunei Darussalam; atau
- (b) apa-apa laporan, penilaian kerja, sijil atau dokumen lain berkenaan dengan sebarang kerja ukur bahan di Negara Brunei Darussalam yang dikehendaki oleh sebarang undang-undang bertulis untuk ditandatangani oleh seseorang juruukur bahan,

melainkan jika dia adalah seorang juruukur bahan berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa.

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

(4) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, tiada sesiapa pun boleh menggunakan secara lisan atau pun selainnya —

(a) perkataan-perkataan "juruukur bahan", "ahli ekonomi bangunan", "perunding kos bangunan" atau sebarang tambahan kepada atau kata terbitan dari perkataan-perkataan tersebut berhubung dengan gelarannya;

(b) singkatan "QS." atau "Sr." sebagai gelaran sebelum namanya; atau

(c) apa-apa perkataan, nama atau gelaran yang mungkin membawa kepada kepercayaan bahawa dia adalah seorang juruukur bahan,

melainkan jika dia adalah seorang juruukur bahan berdaftar.

(5) Jika Lembaga telah membenarkan mana-mana orang di bawah ceraian (1)(c) untuk bekerja bersama-sama dengan seseorang juruukur bahan berdaftar, Lembaga boleh membenarkan orang itu untuk menggunakan tambahan kepada atau kata terbitan dari perkataan-perkataan "juruukur bahan" sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Lembaga.

(6) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, tiada sesiapa pun boleh mengiklankan atau mengemukakan dirinya atau berkelakuan dalam apa jua cara atau dengan apa-apa jalan sebagai seorang yang dibenarkan untuk memberikan perkhidmatan ukur bahan di Negara Brunei Darussalam, melainkan jika dia adalah —

(a) seorang juruukur bahan berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa;

(b) suatu badan korporat berlesen;

(c) suatu perkongsian berlesen;

(d) suatu perkongsian tanggungan berhad berlesen; atau

(e) suatu perkongsian yang semuanya terdiri daripada juruukur-juruukur bahan berdaftar.

(7) Tiada sebarang apa pun dalam ceraian (6) boleh dikenakan untuk menghalang suatu badan korporat yang tidak lagi mempunyai suatu lesen yang berkuatkuasa dari menjalankan apa-apa aktiviti yang perlu bagi penggulungan badan korporat itu.

(8) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, tiada sesiapa pun boleh memberikan atau menawarkan untuk memberikan perkhidmatan ukur bahan di Negara Brunei Darussalam melainkan jika dia adalah —

(a) seorang juruukur bahan berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa dan berbuat demikian atas tanggungannya sendiri atau sebagai seorang rakan kongsi dalam suatu perkongsian berlesen atau suatu perkongsian yang semuanya terdiri daripada juruukur-juruukur bahan berdaftar yang masing-masing mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa;

(b) seorang profesional bersekutu dan berbuat demikian hanya kerana sebagai seorang rakan kongsi dalam suatu perkongsian berlesen; atau

(c) suatu badan korporat atau perkongsian tanggungan berhad berlesen.

(9) Mana-mana orang yang melanggar ceraian-ceraian {1}, {3}, {4}, {6} atau {8} adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan —

(a) berkaitan dengan kesalahan pertama, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000; dan

(b) berkaitan dengan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(10) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh ditafsirkan sebagai mengizinkan atau membenarkan mana-mana perbadanan atau perkongsian berlesen untuk memberikan apa-apa perkhidmatan ukur bahan yang ia tidak dilesenkan untuk memberikannya.

**Ganjaran bagi perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan yang diberikan.**

13. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, tiada sesiapa pun berhak mendapatkan balik dalam mana-mana mahkamah apa-apa caj, bayaran atau ganjaran bagi apa-apa perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan yang diberikan di Negara Brunei Darussalam melainkan jika dia dibenarkan oleh Perintah ini untuk memberikan sebarang perkhidmatan tersebut.

**Penggajian arkitek tidak berdaftar, jurutera profesional tidak berdaftar atau juruukur bahan tidak berdaftar adalah dilarang.**

14. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, tiada sesiapa pun boleh menggaji —

(a) sebagai seorang arkitek, mana-mana orang yang bukan seorang arkitek berdaftar atau tidak mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa;

(b) sebagai seorang jurutera profesional, mana-mana orang yang bukan seorang jurutera profesional berdaftar atau tidak mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa; atau

(c) sebagai seorang juruukur bahan, mana-mana orang yang bukan seorang juruukur bahan berdaftar atau tidak mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa.

(2) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan —

(a) berkaitan dengan kesalahan pertama, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$2,000; dan

(b) berkaitan dengan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000.

**Kerja kecil bangunan.**

15. Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh ditafsirkan sebagai melarang atau mencegah mana-mana orang yang tidak didaftarkan di bawah Perintah ini dari melaksanakan kerja berkaitan dengan pembinaan atau pemberian kepada mana-mana bangunan atau sebahagiannya dalam sebarang hal di mana pelan tidak dikehendaki oleh sebarang undang-undang bertulis untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa bangunan atau pihak berkuasa awam.

**Hubungan di antara arkitek dan jurutera profesional.**

16. (1) Tiada sebarang apa pun dalam Bahagian ini boleh dikenakan untuk mencegah —

(a) seseorang arkitek yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa di bawah Perintah ini atau mana-mana orang yang berada di bawah arahan atau penyeliaannya; atau

(b) suatu badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad yang dilesenkan di bawah Perintah ini untuk memberikan perkhidmatan seni bina di Negara Brunei Darussalam,

dari menjalankan apa-apa aktiviti dalam amalan seni bina yang dia atau ia dibenarkan untuk menjalankannya di bawah Perintah ini jika berbuat demikian tidak menjadi sebahagian besar dari perkhidmatan dalam amalan kejuruteraan profesional.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam Bahagian ini boleh dikenakan untuk mencegah —

(a) seseorang jurutera profesional yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa di bawah Perintah ini atau mana-mana orang yang berada di bawah arahan atau penyeliaannya; atau

(b) suatu badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad yang dilesenkan di bawah Perintah ini untuk melibatkan diri dalam kerja kejuruteraan profesional di Negara Brunei Darussalam,

dari menjalankan apa-apa aktiviti dalam amalan kejuruteraan profesional yang dia atau ia dibenarkan untuk menjalankannya di bawah Perintah ini jika berbuat demikian tidak menjadi sebahagian besar dari perkhidmatan dalam amalan seni bina.

#### BAHAGIAN IV

##### PENDAFTARAN ARKITEK, JURUTERA PROFESIONAL DAN JURUUKUR BAHAN

###### Kelayakan bagi pendaftaran.

17. (1) Tertakluk kepada bab ini, orang-orang yang berikut adalah berhak, setelah membuat bayaran yang ditetapkan, untuk didaftarkan di bawah Perintah ini –

(a) mana-mana orang yang menjadi ahli korporat suatu institusi yang diiktiraf oleh Lembaga;

(b) mana-mana orang yang memegang sebarang ijazah, diploma atau sebarang kelayakan lain yang mungkin dibenarkan oleh Lembaga bagi maksud memberi hak kepadaanya sebagai seorang arkitek berdaftar, seorang jurutera profesional berdaftar atau seorang juruukur bahan berdaftar di bawah Perintah ini; atau

(c) mana-mana orang yang memuaskan hati Lembaga bahawa dia sebaliknya mempunyai kelayakan setelah mendapat latihan yang sewajarnya dan diiktiraf dalam seni bina atau dia mempunyai kelayakan-kelayakan akademik dalam kejuruteraan profesional atau ukur bahan dan dia lulus peperiksaan-peperiksaan sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Lembaga.

(2) Tiada sesiapa pun berhak untuk didaftarkan di bawah ceraian (1) melainkan jika dia memuaskan hati Lembaga bahawa dia telah, selepas memperolehi kelayakan-kelayakannya, mendapat pengalaman praktikal tidak kurang dari 2 tahun dalam kerja seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan sebagaimana yang mungkin ditetapkan atau dibenarkan oleh Lembaga (termasuk pengalaman praktikal dalam kerja seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan di Negara Brunei Darussalam bagi suatu tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya satu tahun).

(3) Tiada sesiapa pun berhak untuk didaftarkan sebagai seorang arkitek, seorang jurutera profesional atau seorang juruukur bahan jika pada bila-bila masa sebelum pendaftarannya terdapat sebarang fakta atau hal keadaan yang akan memberi hak kepada Lembaga untuk membatalkan pendaftarannya.

**Pendaftaran arkitek khas, jurutera profesional khas dan juruukur bahan khas.**

18. (1) Seseorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar yang —

*(a)* telah menduduki dan lulus suatu peperiksaan sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Lembaga, atau memegang ijazah atau kelayakan lepas ijazah atau telah memperolehi pengetahuan khas dalam cabang khusus seni bina, kejuruteraan atau ukur bahan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Lembaga;

*(b)* mempunyai pengalaman dalam cabang khusus seni bina, kejuruteraan atau ukur bahan itu sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Lembaga; dan

*(c)* telah memenuhi syarat-syarat tambahan sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Lembaga,

boleh memohon kepada Lembaga untuk didaftarkan sebagai seorang arkitek khas, jurutera profesional khas atau juruukur bahan khas.

(2) Lembaga boleh, dengan kebenaran Menteri, membuat peraturan-peraturan bagi semua atau sebarang maksud yang berikut —

*(a)* mengadakan peruntukan bagi pendaftaran spesialis dalam mana-mana cabang khusus seni bina, kejuruteraan atau ukur bahan;

*(b)* mengawalselia pencatatan dalam, pengeluaran dari, pemasukan semula ke dalam daftar arkitek khas, jurutera profesional khas dan juruukur bahan khas nama-nama, butir-butir dan kelayakan-kelayakan orang yang didaftarkan itu;

*(c)* mengadakan peruntukan bagi rayuan oleh arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar dan juruukur bahan berdaftar terhadap sebarang penolakan Lembaga untuk mendaftarkan mereka dalam daftar arkitek khas, daftar jurutera profesional khas dan daftar juruukur bahan khas atau untuk memasukkan semula nama-nama mereka ke dalam daftar-daftar tersebut atau terhadap apa-apa keputusan Lembaga untuk mengeluarkan nama-nama mereka dari daftar-daftar tersebut;

*(d)* menetapkan bayaran yang kena dibayar berkaitan dengan —

- (i) sebarang permohonan bagi pendaftaran sebagai seorang arkitek khas, jurutera profesional khas atau juruukur bahan khas;
- (ii) sebarang pendaftaran tersebut sebagai seorang arkitek khas, jurutera profesional khas atau juruukur bahan khas;
- (iii) sebarang pemasukan semula nama ke dalam daftar arkitek khas, daftar jurutera profesional khas atau daftar juruukur bahan khas; dan
- (iv) sebarang rayuan.

(3) Pendaftar hendaklah, dari masa ke semasa, menyediakan dan menyiarkan dalam *Warta Kerajaan* satu senarai nama-nama, alamat-alamat dan kelayakan-kelayakan semua arkitek khas, jurutera profesional khas dan juruukur bahan khas.

**Permohonan bagi pendaftaran.**

19. Tiap-tiap orang yang didaftarkan sebagai seorang arkitek, jurutera profesional atau juruukur bahan di bawah Perintah ini adalah, setelah membuat bayaran yang ditetapkan, berhak mendapat suatu sijil pendaftaran yang ditandatangani oleh Pendaftar.

**Sijil pendaftaran.**

20. (1) Pendaftar hendaklah, setelah bayaran yang ditetapkan dibuat, mengeluarkan suatu sijil pendaftaran kepada mana-mana pemohon yang permohonannya telah dibenarkan oleh Lembaga.

(2) Setiap sijil pendaftaran hendaklah, tertakluk kepada Perintah ini, tamat tempohnya pada 31 haribulan Disember dalam tahun sijil pendaftaran itu dikeluarkan dan boleh selepas itu diperbaharui setiap dua tahun setelah bayaran yang ditetapkan dibuat.

**Pindaan daftar arkitek, daftar jurutera profesional atau daftar juruukur bahan.**

21. Pendaftar hendaklah —

(a) meminda daftar arkitek, daftar jurutera profesional atau daftar juruukur bahan apabila terdapat perubahan nama, alamat atau butir-butir lain yang berkaitan yang sampai ke pengetahuannya mengenai mana-mana arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar; dan

(b) membetulkan apa-apa kesilapan dalam sebarang catatan dalam daftar arkitek, daftar jurutera profesional atau daftar juruukur bahan;

(c) mengeluarkan dari daftar arkitek, daftar jurutera profesional atau daftar juruukur bahan atau daftar pengamal, mengikut mana yang berkenaan, nama mana-mana orang —

- (i) yang namanya telah diperintahkan untuk dikeluarkan di bawah sebarang peruntukan Perintah ini;
- (ii) yang telah mati.

**Pengeluaran dari daftar.**

22. (1) Lembaga boleh memerintahkan supaya nama dan butir-butir lain seseorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar dikeluarkan dari daftar arkitek, daftar jurutera profesional atau daftar juruukur bahan jika dia —

(a) tidak mempunyai alamat di Negara Brunei Darussalam di mana dia boleh dihubungi atau dikirimkan apa-apa dokumen dengan menggunakan butir-butirnya dalam daftar;

(b) gagal memperbaharui sijil menjalankan amalannya bagi suatu tempoh yang berterusan tidak kurang dari 10 tahun..

(2) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Bahagian VII, Lembaga boleh memerintahkan supaya nama dan butir-butir lain seseorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar dikeluarkan dari daftar arkitek, daftar jurutera profesional atau daftar juruukur bahan jika sampai ke pengetahuan Lembaga bahawa —

(a) dia telah memperolehi pendaftarannya dengan cara penipuan atau salah nyata;

(b) kelayakannya bagi pendaftaran di bawah bab 17 telah ditarik balik atau dibatalkan oleh pihak berkuasa yang melaluinya ia diperolehi atau oleh pihak berkuasa yang menganugerahkannya; atau

(c) dia enggan atau gagal mematuhi sebarang perintah yang dibuat oleh Lembaga di bawah bab 47(2)(c) atau (e).

(3) Lembaga hendaklah, sebelum menjalankan kuasa-kuasanya di bawah ceraian (2), memberitahu arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar yang berkenaan mengenai tujuannya mengambil tindakan tersebut dan hendaklah memberi peluang kepada mereka untuk mengemukakan sebab, dalam tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya, kenapa namanya tidak patut dikeluarkan dari daftar.

(4) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan suatu perintah yang dibuat oleh Lembaga di bawah ceraian (1) atau (2) boleh, dalam masa 30 hari dari tarikh perintah itu diberitahu, merayu kepada Menteri, yang keputusannya adalah muktamad.

(5) Mana-mana arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar boleh memohon kepada Lembaga supaya nama dan butir-butirnya dikeluarkan dari daftar.

(6) Setiap permohonan di bawah ceraian (5) hendaklah dibuat dalam borang sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Lembaga dan Lembaga boleh, jika difikirkannya patut, menghendaki salah satu atau kedua-dua yang berikut —

(a) bahawa permohonan itu hendaklah disokong dengan suatu pengakuan berkanun;

(b) bahawa pemohon hendaklah mengiklankan tujuannya untuk membuat permohonan itu mengikut cara sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga.

(7) Tertakluk kepada ceraian (8), Lembaga boleh, setelah menerima suatu permohonan yang dibuat di bawah ceraian (5), mengarahkan supaya Pendaftar mengeluarkan nama dan butir-butir pemohon dari daftar.

(8) Tiada perintah boleh dibuat atas suatu permohonan di bawah ceraian (5) jika Lembaga berpuashati bahawa —

(a) tindakan disiplin belum lagi diputuskan terhadap pemohon; atau

(b) kelakuan pemohon adalah tertakluk kepada suatu siasatan yang dijalankan oleh suatu Jawatankuasa Penyiasatan.

#### Pemasukan semula.

23. (1) Mana-mana orang atau badan korporat yang nama dan butir-butirnya telah dikeluarkan dari daftar arkitek, daftar jurutera profesional, daftar juruukur bahan, atau daftar pemegang lesen, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah, jika rayuannya kepada Menteri dibenarkan, dimasukkan semula dengan serta-merta tanpa membuat sebarang bayaran.

(2) Lembaga boleh atas budi bicaranya, setelah tamat tempoh tidak kurang dari 3 tahun daripada pengeluaran nama dan butir-butir mana-mana orang dari daftar arkitek, daftar jurutera profesional atau daftar juruukur bahan, menimbangkan sebarang permohonan bagi pendaftaran yang dibuat oleh orang itu menurut peruntukan-peruntukan Bahagian IV.

**Rayuan.**

24. Mana-mana orang yang permohonan bagi pendaftarannya telah ditolak oleh Lembaga boleh, dalam masa 30 hari selepas penolakan tersebut diberitahu, merayu kepada Menteri, yang keputusannya adalah muktamad.

**BAHAGIAN V**

**SIJIL MENJALANKAN AMALAN**

**Sijil menjalankan amalan.**

25. (1) Jika seseorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar berhasrat hendak melibatkan diri dalam amalan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan di Negara Brunei Darussalam selepas 31hb Disember dalam mana-mana tahun, dia hendaklah, tidak lewat dari 1hb Disember tahun itu dan dalam borang dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga, memohon sijil menjalankan amalan yang membenarkannya untuk melibatkan diri dalam amalan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan dalam tahun yang berikutnya.

(2) Dengan tidak menghiraukan ceraian [1], jika seseorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar memohon sijil menjalankan amalan buat kali pertama selepas pendaftaran di bawah bab 17, permohonan itu boleh dibuat pada bila-bila masa dalam tahun itu dan sijil menjalankan amalan boleh dikeluarkan kepada arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar itu bagi tempoh selebihnya dalam tahun permohonan itu dibuat.

(3) Sebarang permohonan yang dibuat oleh seseorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar di bawah bab ini hendaklah disertakan dengan —

- (a) suatu pengakuan secara bertulis yang menyatakan —
- (i) nama penuhnya;
  - (ii) nama yang di bawahnya dia menjalankan amalan jika berlainan dari namanya sendiri, atau nama orang yang menggajinya; dan
  - (iii) alamat utama dan mana-mana alamat atau alamat-alamat lain di mana dia menjalankan amalan di Negara Brunei Darussalam;

(b) suatu keterangan sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Lembaga bahawa pemohon telah mematuhi atau dikecualikan dari aturan-aturan berkenaan dengan insurans terhadap liabiliti profesional; dan

(c) bayaran yang ditetapkan,

dan Lembaga hendaklah, tertakluk kepada ceraian (4), mengeluarkan kepada arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar itu, sijil menjalankan amalan.

(4) Lembaga boleh enggan mengeluarkan sijil menjalankan amalan jika —

(a) pemohon adalah seorang bankrap yang belum dilepaskan atau pemohon telah membuat suatu komposisi dengan pemutang-pemutangnya atau suatu suratikatan penyusunan bagi faedah pemutang-pemutangnya;

(b) pemohon tidak berhasrat hendak menjalankan amalan sama ada atas tanggungannya sendiri atau dalam perkongsian, atau tidak digaji atau tidak akan digaji oleh mana-mana orang yang memberikan secara sah perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan di Negara Brunei Darussalam;

(c) pengakuan di bawah ceraian (3) mengandungi suatu pernyataan yang diketahuinya adalah palsu dalam suatu butir penting;

(d) kelakuan pemohon memberikan alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dia tidak akan melibatkan diri dalam amalan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan di Negara Brunei Darussalam menurut sebarang undang-undang bertulis dan dengan kejujuran dan ketulusan; atau

(e) Lembaga tidak berpuashati bahawa pemohon telah mematuhi kehendak-kehendak yang ditetapkan berkenaan dengan pendidikan profesional berterusan.

(5) Mana-mana arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar (yang bukan seorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar yang memohon sijil menjalankan amalan buat kali pertama) yang gagal memohon sijil menjalankan amalan dengan cara dan dalam tempoh yang dinyatakan dalam ceraian (1) boleh, setelah membuat suatu permohonan dalam borang dan setelah membuat bayaran tambahan sebagaimana yang mungkin ditetapkan, dikeluarkan sijil menjalankan amalan bagi —

(a) tahun yang berikutnya jika pemohonan itu dibuat dalam bulan Disember pada mana-mana tahun; atau

(b) tempoh selebihnya dalam tahun itu jika permohonan itu dibuat pada atau selepas 1hb Januari dalam mana-mana tahun.

(6) Tertakluk kepada ceraian (9), sijil menjalankan amalan hendaklah, melainkan jika dibatalkan lebih awal, berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan sehingga 31hb Disember dalam tahun yang berkaitan dengannya ia dikeluarkan.

(7) Sijil menjalankan amalan hendaklah menyatakan nama, alamat utama dan semua alamat lain firma atau badan korporat yang di bawahnya arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar itu menjalankan amalan atau yang menggajinya.

(8) Sebarang perubahan nama atau alamat itu hendaklah diberitahu oleh arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar yang berkenaan kepada Pendaftar dalam masa 2 minggu dari perubahan itu.

(9) Jika nama mana-mana arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar dikeluarkan di bawah bab-bab 22 atau 47(2)(a), sijil menjalankan amalan, jika ada, arkitek, jurutera profesional atau juruukur bahan itu yang berkuatkuasa pada masa itu hendaklah tamat tempohnya dengan serta-merta dan Pendaftar hendaklah mencatatkan tarikh tamat tempoh itu dalam daftar pengamal seni bina, kejuruteraan profesional dan ukur bahan dan mengeluarkan dari daftar tersebut nama arkitek, jurutera profesional atau juruukur bahan itu.

(10) Mana-mana orang yang permohonannya bagi sijil menjalankan amalan telah ditolak oleh Lembaga boleh, dalam masa 30 hari selepas diberitahu mengenai penolakan itu, merayu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

**Pembatalan sijil menjalankan amalan.**

26. (1) Lembaga boleh membatalkan sijil menjalankan amalan mana-mana arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar atas sebarang alasan yang dinyatakan dalam bab 25(4) yang dikenakan kepada arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar itu, sama ada atau tidak alasan tersebut wujud pada masa sijil menjalankan amalan itu dikeluarkan.

(2) Lembaga tidak boleh membatalkan sebarang sijil menjalankan amalan di bawah ceraian (1) melainkan jika peluang untuk didengar sama ada sendiri atau secara bertulis telah diberikan kepada orang yang berkenaan.

(3) Mana-mana orang yang sijil menjalankan amalannya telah dibatalkan oleh Lembaga di bawah bab ini boleh, dalam masa 30 hari selepas diberitahu mengenai pembatalan itu, merayu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

## BAHAGIAN VI

### AMALAN PELBAGAI DISIPLIN DAN KORPORAT

Lesen bagi amalan pelbagai disiplin dan korporat.

27. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, Lembaga boleh memberi lesen kepada suatu badan korporat untuk memberikan perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan di Negara Brunei Darussalam jika —

(a) memorandum persatuan badan korporat itu mengadakan peruntukan bahawa tujuan utama badan korporat itu adalah untuk memberikan perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan;

(b) modal berbayar badan korporat itu tidak kurang dari jumlah yang ditetapkan oleh Menteri dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*;

(c) perkara-perkara persatuan badan korporat itu mengadakan peruntukan bahawa sekurang-kurangnya sebilangan yang ditetapkan atau sebahagian daripada pengarah-pengarahnnya hendaklah arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar yang masing-masing mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa;

(d) perniagaan badan korporat itu, setakat mana yang berkenaan dengan pemberian perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan, adalah di bawah kawalan dan pengurusan seorang pengarah badan korporat itu yang —

(i) merupakan seorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa; dan

(ii) diberi kuasa di bawah suatu ketetapan lembaga pengarah badan korporat itu untuk membuat semua keputusan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan yang muktamad bagi pihaknya berkenaan dengan kehendak-kehendak Perintah ini, aturan-aturan atau sebarang undang-undang lain berhubung dengan pemberian perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan olehnya; dan

(e) badan korporat itu diinsuranskan daripada liabiliti profesional menurut bab 30 dan aturan-aturannya.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, Lembaga boleh memberi lesen kepada suatu perkongsian yang semuanya tidak terdiri daripada

arkitek-arkitek berdaftar untuk memberikan perkhidmatan seni bina di Negara Brunei Darussalam jika —

(a) perkongsian itu adalah perkongsian di mana hanya arkitek-arkitek berdaftar dan profesional bersekutu, yang masing-masing mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa, mempunyai kepentingan berfaedah ke atas aset modal dan keuntungan perkongsian itu;

(b) perniagaan perkongsian itu, setakat mana yang berkenaan dengan pemberian perkhidmatan seni bina di Negara Brunei Darussalam, adalah di bawah kawalan dan pengurusan seorang rakan kongsi yang merupakan arkitek berdaftar dan mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa.

(3) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, Lembaga boleh memberi lesen kepada suatu perkongsian yang semuanya tidak terdiri daripada jurutera-jurutera profesional berdaftar untuk memberikan perkhidmatan kejuruteraan profesional di Negara Brunei Darussalam jika —

(a) perkongsian itu adalah perkongsian di mana hanya jurutera-jurutera profesional berdaftar dan profesional bersekutu, yang masing-masing mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa, mempunyai kepentingan berfaedah ke atas aset modal dan keuntungan perkongsian itu;

(b) perniagaan perkongsian itu, setakat mana yang berkenaan dengan pemberian perkhidmatan kejuruteraan profesional di Negara Brunei Darussalam, adalah di bawah kawalan dan pengurusan seorang rakan kongsi yang merupakan jurutera profesional berdaftar dan mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa.

(4) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, Lembaga boleh memberi lesen kepada suatu perkongsian yang semuanya tidak terdiri daripada juruukur-juruukur bahan berdaftar untuk memberikan perkhidmatan ukur bahan di Negara Brunei Darussalam jika —

(a) perkongsian itu adalah perkongsian di mana hanya juruukur-juruukur bahan berdaftar dan profesional bersekutu, yang masing-masing mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa, mempunyai kepentingan berfaedah ke atas aset modal dan keuntungan perkongsian itu;

(b) perniagaan perkongsian itu, setakat mana yang berkenaan dengan pemberian perkhidmatan ukur bahan di Negara Brunei Darussalam, adalah di bawah kawalan dan pengurusan seorang rakan kongsi yang merupakan juruukur bahan berdaftar dan mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa.

(5) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, Lembaga boleh memberi lesen kepada mana-mana perkongsian tanggungan berhad untuk memberikan perkhidmatan seni bina di Negara Brunei Darussalam jika —

(a) penyata yang diserahkan oleh rakan kongsi perkongsian tanggungan berhad itu kepada Pendaftar Perkongsian Tanggungan Berhad di bawah bab 16(1) dari Perintah Perkongsian Tanggungan Berhad, 2010 (S 117/10) mengadakan peruntukan bahawa jenis perniagaan utama perkongsian tanggungan berhad itu adalah untuk memberikan perkhidmatan seni bina;

(b) rakan kongsi dalam perkongsian tanggungan berhad itu hanya terdiri daripada orang-orang yang memenuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga;

(c) sekurang-kurangnya salah seorang rakan kongsi perkongsian tanggungan berhad itu adalah seorang arkitek berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa;

(d) perniagaan perkongsian tanggungan berhad itu, setakat mana yang berkenaan dengan perkhidmatan seni bina di Negara Brunei Darussalam, adalah di bawah kawalan dan pengurusan seorang rakan kongsi yang —

(i) merupakan seorang arkitek berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa;

(ii) diberi kuasa di bawah suatu ketetapan rakan kongsi perkongsian tanggungan berhad itu untuk membuat semua keputusan seni bina yang muktamad bagi pihak perkongsian tanggungan berhad itu berkenaan dengan kehendak-kehendak Perintah ini, aturan-aturan atau sebarang undang-undang lain berhubung dengan pemberian perkhidmatan seni bina oleh perkongsian tanggungan berhad itu; dan

(e) perkongsian tanggungan berhad itu diinsuranskan daripada liabiliti profesional menurut bab 30 dan aturan-aturannya.

(6) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, Lembaga boleh memberi lesen kepada mana-mana perkongsian tanggungan berhad untuk memberikan perkhidmatan kejuruteraan profesional di Negara Brunei Darussalam jika —

(a) penyata yang diserahkan oleh rakan kongsi perkongsian tanggungan berhad itu kepada Pendaftar Perkongsian Tanggungan Berhad di bawah bab 16(1) dari Perintah Perkongsian Tanggungan Berhad, 2010 (S 117/10) mengadakan peruntukan bahawa jenis perniagaan utama

perkongsian tanggungan berhad itu adalah untuk memberikan perkhidmatan kejuruteraan profesional;

*(b)* rakan kongsi dalam perkongsian tanggungan berhad itu hanya terdiri daripada orang-orang yang memenuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga;

*(c)* sekurang-kurangnya salah seorang rakan kongsi perkongsian tanggungan berhad itu adalah seorang jurutera profesional berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa;

*(d)* perniagaan perkongsian tanggungan berhad itu, setakat mana yang berkenaan dengan perkhidmatan kejuruteraan profesional di Negara Brunei Darussalam, adalah di bawah kawalan dan pengurusan seorang rakan kongsi yang —

- (i) merupakan seorang jurutera profesional berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa;
- (ii) diberi kuasa di bawah suatu ketetapan rakan kongsi perkongsian tanggungan berhad itu untuk membuat semua keputusan kejuruteraan profesional yang muktamad bagi pihak perkongsian tanggungan berhad itu berkenaan dengan kehendak-kehendak Perintah ini, aturan-aturan atau sebarang undang-undang lain berhubung dengan pemberian perkhidmatan kejuruteraan profesional oleh perkongsian tanggungan berhad itu; dan

*(e)* perkongsian tanggungan berhad itu diinsuranskan daripada liabiliti profesional menurut bab 30 dan aturan-aturannya.

(7) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, Lembaga boleh memberi lesen kepada mana-mana perkongsian tanggungan berhad untuk memberikan perkhidmatan ukur bahan di Negara Brunei Darussalam jika —

*(a)* penyata yang diserahkan oleh rakan kongsi perkongsian tanggungan berhad itu kepada Pendaftar Perkongsian Tanggungan Berhad di bawah bab 16(1) dari Perintah Perkongsian Tanggungan Berhad, 2010 (S 117/10) mengadakan peruntukan bahawa jenis perniagaan utama perkongsian tanggungan berhad itu adalah untuk memberikan perkhidmatan ukur bahan;

*(b)* rakan kongsi dalam perkongsian tanggungan berhad itu hanya terdiri daripada orang-orang yang memenuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga;

(c) sekurang-kurangnya salah seorang rakan kongsi perkongsian tanggungan berhad itu adalah seorang juruukur bahan berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa;

(d) perniagaan perkongsian tanggungan berhad itu, setakat mana yang berkenaan dengan perkhidmatan ukur bahan di Negara Brunei Darussalam, adalah di bawah kawalan dan pengurusan seorang rakan kongsi yang —

(i) merupakan seorang juruukur bahan berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa;

(ii) diberi kuasa di bawah suatu ketetapan rakan kongsi perkongsian tanggungan berhad itu untuk membuat semua keputusan ukur bahan yang muktamad bagi pihak perkongsian tanggungan berhad itu berkenaan dengan kehendak-kehendak Perintah ini, aturan-aturan atau sebarang undang-undang lain berhubung dengan pemberian perkhidmatan ukur bahan oleh perkongsian tanggungan berhad itu; dan

(e) perkongsian tanggungan berhad itu diinsuranskan daripada liabiliti profesional menurut bab 30 dan aturan-aturannya.

(8) Lembaga boleh enggan memberi lesen di bawah bab ini kepada mana-mana badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad jika, pada pendapat Lembaga, kelakuhan yang lalu mana-mana pengarah, pengurus atau pekerja badan korporat itu atau mana-mana rakan kongsi, pengurus atau pekerja perkongsian itu memberi alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa badan korporat atau perkongsian itu tidak akan memberikan perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan menurut sebarang undang-undang bertulis dan dengan kejujuran dan ketulusan.

(9) Setiap lesen yang diberikan di bawah bab ini adalah sah, melainkan jika dibatalkan lebih awal, bagi suatu tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan di dalamnya.

(10) Dalam ceraian (1), "sebilangan yang ditetapkan atau sebahagian daripada pengarah-pengarahnnya" bermakna —

(a) majoriti pengarah, jika tiada bilangan atau sebahagiannya dinyatakan di bawah perenggan (b); atau

(b) jika sebilangan atau sebahagiannya dinyatakan oleh Menteri bagi maksud-maksud ceraian (1) dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*, sebilangan atau sebahagian daripada pengarah-pengarah sebagaimana yang mungkin dinyatakan demikian pada masa itu.

**Syarat-syarat lesen untuk menjalankan amalan.**

28. (1) Adalah menjadi suatu syarat bagi setiap lesen yang diberikan kepada mana-mana badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad bahawa ia hendaklah memberikan perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan di Negara Brunei Darussalam oleh seseorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar —

(a) yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa; dan

(b) yang merupakan —

(i) dalam hal suatu badan korporat, seorang pengarah atau pekerja perbadanan itu;

(ii) dalam hal suatu perkongsian, seorang rakan kongsi atau pekerja perkongsian itu; atau

(iii) dalam hal suatu perkongsian tanggungan berhad, seorang rakan kongsi atau pekerja perkongsian tanggungan berhad itu.

(2) Adalah menjadi suatu syarat bagi setiap lesen yang diberikan kepada mana-mana badan korporat atau mana-mana perkongsian tanggungan berhad, bahawa ia tidak akan memberikan perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan di Negara Brunei Darussalam melainkan jika ia diinsuranskan berkaitan dengan liabiliti profesional menurut bab 30 dan aturan-aturannya.

(3) Tanpa menjelaskan ceraian-ceraian (1) dan (2), Lembaga boleh memberikan suatu lesen tertakluk kepada syarat-syarat lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga dan boleh pada bila-bila masa mengubah sebarang syarat yang ada (selain dari syarat-syarat yang dinyatakan dalam ceraian-ceraian (1) dan (2)) lesen tersebut atau mengenakan syarat-syarat tambahan kepadanya.

(4) Jika suatu lesen diberikan oleh Lembaga kepada suatu badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad tertakluk kepada syarat-syarat (selain dari syarat-syarat yang dinyatakan dalam ceraian-ceraian (1) dan (2)), badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad itu boleh, jika tidak puas hati dengan keputusan Lembaga, merayu kepada Menteri, yang keputusannya adalah muktamad.

**Perubahan komposisi lembaga pengarah, ahli dll.**

29. (1) Mana-mana badan korporat berlesen hendaklah, dalam masa 30 hari dari berlakunya —

(a) apa-apa pindaan dalam memorandum atau perkara-perkara persatuannya untuk meniadakan jenis sekatan, batasan atau larangan yang dinyatakan dalam bab 27(1);

(b) sebarang perubahan komposisi lembaga pengarah, ahli atau pemegang sahamnya; atau

(c) apa-apa pembatalan sebarang ketetapan yang diluluskan oleh lembaga pengarah di bawah bab 27(1)(d)(ii).

mengemukakan kepada Lembaga suatu laporan yang benar secara bertulis dengan memberikan butir-butir lengkap mengenai pindaan atau perubahan tersebut.

(2) Mana-mana perkongsian berlesen hendaklah, dalam masa 30 hari dari berlakunya sebarang perubahan komposisi ahlinya, mengemukakan kepada Lembaga suatu laporan yang benar secara bertulis dengan memberikan butir-butir lengkap mengenai perubahan tersebut.

(3) Mana-mana perkongsian tanggungan berhad berlesen hendaklah, dalam masa 30 hari dari berlakunya sebarang perubahan komposisi ahlinya, mengemukakan kepada Lembaga suatu laporan yang benar secara bertulis dengan memberikan butir-butir lengkap mengenai perubahan tersebut.

#### **Insurans liabiliti.**

30. Tiap-tiap badan korporat berlesen dan tiap-tiap perkongsian tanggungan berhad berlesen hendaklah menginsuranskan dirinya sendiri daripada liabiliti kerana sebarang pelanggaran kewajipan profesional yang timbul dari perjalanan perniagaannya dalam memberikan perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan sebagai akibat langsung dari apa-apa perbuatan cuai, kesilapan atau peninggalan yang dilakukan oleh perbadanan itu atau pengarah-pengarah, pengurus-pengurus, setiausaha-setiausaha atau pekerja-pekerja jaya.

#### **Hubungan di antara klien dan badan korporat berlesen.**

31. Suatu badan korporat berlesen atau perkongsian tanggungan berhad berlesen hendaklah mempunyai hak-hak yang sama dan hendaklah tertakluk kepada obligasi-obligasi yang sama berkaitan dengan hubungan fidusiar, sulit dan beretika dengan setiap klien badan korporat atau perkongsian tanggungan berhad itu yang wujud di sisi undang-undang di antara seseorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar dan kliennya.

**Tanggungjawab profesional arkitek penyelia, jurutera profesional penyelia atau juruukur bahan penyelia.**

32. Seseorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar yang mengawal dan mengurus perniagaan suatu badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad berlesen berkenaan dengan pemberian perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan di Negara Brunei Darussalam hendaklah tertakluk kepada piawaian kelakuan profesional dan kecekapan yang sama berkaitan dengan perkhidmatan tersebut seolah-olah dia sendiri memberikan perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan itu.

**Pembatalan lesen.**

33. (1) Tertakluk kepada ceraian {3}, Lembaga boleh dengan perintah membatalkan sebarang lesen yang telah diberikannya kepada suatu badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad jika, pada pendapat Lembaga —

(a) badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad itu gagal mematuhi sebarang syarat yang dikenakan oleh Lembaga di bawah bab 28;

(b) memorandum atau perkara-perkara persatuan badan korporat itu telah dipinda bahawa ia tidak lagi memasukkan jenis sekatan, batasan atau larangan yang dinyatakan dalam bab 27(1);

(c) seseorang yang bukan —

(i) seorang arkitek berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa;

(ii) seorang jurutera profesional berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa; atau

(iii) seorang juruukur bahan berdaftar yang mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa,

mempunyai kepentingan berfaedah ke atas aset modal dan keuntungan perkongsian itu;

(d) perkongsian tanggungan berhad itu tidak lagi memenuhi kehendak-kehendak bab 27{5}, {6} dan {7};

(e) lesen itu telah diperolehi dengan cara penipuan atau salah nyata;

(f) badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad itu tidak lagi memberikan perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan di Negara Brunei Darussalam;

(g) badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad itu telah melanggar sebarang peruntukan kod kelakuan dan etika profesional yang ditetapkan;

(h) badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad itu telah melanggar bab 29 atau 30 atau telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Perintah ini;

(i) kelakuan mana-mana pengarah, pengurus atau pekerja badan korporat itu, atau mana-mana rakan kongsi atau pekerja perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad itu memberi alasan untuk mempercayai bahawa badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad itu tidak akan memberikan perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan di Negara Brunei Darussalam menurut sebarang undang-undang bertulis dan dengan kejujuran dan ketulusan; atau

(j) badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad itu enggan atau gagal mematuhi suatu perintah Lembaga yang dibuat di bawah ceraian (2).

(2) Lembaga boleh, dalam sebarang hal sekiranya ia menganggap bahawa alasan yang kuat dan mencukupi untuk membatalkan suatu lesen tidak ada, dengan perintah mengenakan kepada badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad yang berkenaan suatu penalti tidak melebihi dari \$20,000, dan setiap penalti tersebut boleh didapatkan balik sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Lembaga.

(3) Lembaga tidak boleh menjalankan kuasa-kuasanya di bawah ceraian (1) atau (2) melainkan jika suatu peluang untuk didengar oleh seorang wakil secara bertulis atau oleh peguam telah diberikan kepada badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad itu yang terhadapnya Lembaga bercadang hendak menjalankan kuasa-kuasanya.

(4) Jika Lembaga telah membatalkan suatu lesen di bawah bab ini, Pendaftar hendaklah menyampaikan kepada badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad yang berkenaan suatu notis mengenai perintah yang dibuat oleh Lembaga.

(5) Sebarang perintah yang dibuat oleh Lembaga yang membatalkan suatu lesen atau mengenakan suatu penalti tidak boleh berkuatkuasa sehingga tamat tempoh 30 hari selepas Lembaga menyampaikan perintah tersebut kepada badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad itu.

(6) Jika suatu perintah pembatalan berkuatkuasa —

(a) Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya notis pembatalan itu disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dan mengeluarkan dari daftar pemegang lesen nama dan butir-butir lain badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad yang berkenaan; dan

(b) badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad yang berkenaan hendaklah, mulai dari tarikh notis tersebut, berhenti memberikan perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan di Negara Brunei Darussalam kecuali sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Lembaga bagi maksud menggulung perniagaannya.

(7) Ceraian (6)(b) tidaklah menjelaskan penguatkuasaan sebarang hak atau tuntutan oleh mana-mana orang terhadap badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad itu atau penguatkuasaan sebarang hak atau tuntutan oleh badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad itu terhadap mana-mana orang.

**Rayuan terhadap perintah Lembaga.**

34. (1) Jika Lembaga telah membuat —

(a) suatu perintah yang membatalkan suatu lesen di bawah bab 33(1) terhadap suatu badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad; atau

(b) suatu perintah yang mengenakan suatu penalti kepada suatu badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad berlesen di bawah bab 33(2),

badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad yang berkenaan boleh, dalam masa 30 hari selepas perintah itu disampaikan, membuat rayuan terhadap perintah itu kepada Menteri, yang keputusannya adalah muktamad.

(2) Jika badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad yang berkenaan telah membuat rayuan terhadap suatu perintah kepada Menteri di bawah bab 34, perintah itu tidak boleh berkuatkuasa melainkan jika perintah itu disahkan oleh Menteri atau rayuan tersebut ditolak oleh Menteri atau ditarik balik.

(3) Mana-mana badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad yang namanya telah dikeluarkan dari daftar pemegang lesen di bawah bab 33(6)(a) hendaklah, jika rayuannya kepada Menteri dibenarkan, dimasukkan semula dengan serta-merta tanpa membuat sebarang bayaran.

**BAHAGIAN VII****PROSIDING TATATERTIB**

Lantikan Panel Penyiasatan.

35. (1) Bagi maksud membolehkan Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyiasatan dilantik di bawah bab 38, Lembaga hendaklah melantik suatu Panel Penyiasatan yang terdiri daripada —

- (a) dalam hal suatu aduan terhadap seseorang arkitek berdaftar —
  - (i) tidak kurang daripada 7 orang arkitek berdaftar yang telah menjalankan amalan sekurang-kurangnya 10 tahun yang bukan ahli Lembaga; dan
  - (ii) tidak kurang daripada 5 orang profesional bersekutu atau orang yang bukan ahli;

(b) dalam hal suatu aduan terhadap seseorang jurutera profesional berdaftar —

- (i) tidak kurang daripada 7 orang jurutera profesional berdaftar yang telah menjalankan amalan sekurang-kurangnya 10 tahun yang bukan ahli Lembaga; dan
- (ii) tidak kurang daripada 5 orang profesional bersekutu atau orang yang bukan ahli;

(c) dalam hal suatu aduan terhadap seseorang juruukur bahan berdaftar —

- (i) tidak kurang daripada 5 orang juruukur bahan berdaftar yang telah menjalankan amalan sekurang-kurangnya 10 tahun yang bukan ahli Lembaga; dan
- (ii) tidak kurang daripada 3 orang profesional bersekutu atau orang yang bukan ahli.

(2) Seseorang ahli Panel Penyiasatan itu hendaklah dilantik bagi suatu tempoh selama 2 tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, membatalkan lantikan mana-mana ahli Panel Penyiasatan itu atau mengisi sebarang kekosongan ahlinya.

Aduan terhadap arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar.

36. Sebarang aduan berhubung dengan —

(a) sabitan seseorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar atas sebarang kesalahan yang melibatkan penipuan, ketidakjujuran atau keburukan akhlak, atau membayangkan kecacatan perangainya yang menjadikannya tidak layak bagi profesiannya;

(b) apa-apa perbuatan atau kelakuan seseorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar yang tidak senonoh atas sifat profesionalnya yang menyebabkan profesionnya mendapat nama buruk;

(c) sebarang pelanggaran yang dilakukan oleh seseorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar terhadap mana-mana peruntukan kod kelakuan dan etika profesional yang ditetapkan;

(d) keupayaan seseorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan seorang arkitek, jurutera profesional atau juruukur bahan dengan berkesan di Negara Brunei Darussalam; atau

(e) sebarang kegagalan di pihak seseorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar semasa menjadi seorang pengarah, pengurus atau pekerja suatu badan korporat berlesen, atau seorang rakan kongsi, pengurus atau pekerja suatu perkongsian berlesen, untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi menghalang badan korporat atau perkongsian itu dari bertindak dengan cara (selain dari yang dinyatakan dalam bab 33(1)(d)) yang mewajarkan Lembaga membatalkan sebarang lesen yang diberikan kepada badan korporat atau perkongsian itu atau mengenakan suatu penalti di bawah bab 33(2),

hendaklah dibuat kepada Lembaga secara bertulis dan hendaklah disokong dengan suatu pengakuan berkanun sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Lembaga, kecuali bahawa pengakuan berkanun tidaklah dikehendaki jika aduan tersebut dibuat atau diberikan oleh mana-mana pegawai kerajaan atau pegawai Lembaga.

**Kajian semula aduan.**

37. (1) Tertakluk kepada ceraian (3), Lembaga hendaklah, setelah menerima sebarang aduan di bawah bab 36, merujukkan aduan tersebut kepada Pendaftar untuk dikaji semula.

(2) Lembaga boleh juga, atas usulnya sendiri, merujukkan apa-apa maklumat berhubung dengan apa-apa perbuatan atau kelakuan seseorang arkitek

berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar yang tidak senonoh atau memalukan kepada Pendaftar untuk dikaji semula.

(3) Lembaga tidak perlu merujukkan sebarang aduan atau maklumat kepada Pendaftar untuk dikaji semula jika aduan atau maklumat itu berkaitan dengan sebarang perkara yang dinyatakan dalam bab 22(2) dan, dalam hal tersebut, Lembaga boleh mengambil tindakan sebagaimana yang difikirkannya patut di bawah bab itu.

(4) Pendaftar —

(a) hendaklah mengkaji semula aduan atau maklumat yang dirujukkan kepadanya bagi maksud menentukan sama ada terdapat merit yang mencukupi untuk mewajarkan prosiding tatatertib dimulakan di bawah Bahagian ini terhadap arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar yang berkenaan; dan

(b) boleh, bagi maksud menjalankan kajian semula itu, mendapatkan bantuan mana-mana arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar atau orang yang bukan ahli dalam Panel Penyiasatan.

(5) Dalam menjalankan suatu kajian semula di bawah bab ini, Pendaftar boleh menghendaki pengadu (jika ada) atau arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar yang berkenaan untuk menjawab apa-apa pertanyaan atau untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat yang dianggapnya berkaitan bagi maksud kajian semula itu.

(6) Setelah suatu kajian semula selesai di bawah bab ini, Pendaftar hendaklah —

(a) mencadangkan kepada Lembaga supaya aduan atau maklumat itu ditolak, jika dia mendapati bahawa aduan itu adalah remeh, menyusahkan, salah tanggap atau tanpa merit, atau bahawa maklumat itu adalah tidak berbas;  
-

(b) dalam hal jika aduan atau maklumat itu berkaitan dengan sabitan (sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain) arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar itu atas suatu kesalahan yang —

- (i) melibatkan penipuan atau ketidakjujuran; atau
- (ii) membayangkan kecacatan perangainya yang menjadikan arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar itu tidak layak bagi profesionnya,

mencadangkan kepada Lembaga supaya merujukkan perkara tersebut kepada Jawatankuasa Tatatertib bagi siasatan rasmi; dan

*(c)* dalam sebarang hal lain, mencadangkan kepada Lembaga supaya perkara tersebut dirujukkan kepada Jawatankuasa Penyiasatan bagi siasatan.

(7) Lembaga boleh, setelah menerima cadangan Pendaftar di bawah ceraian (6), melantik Jawatankuasa Penyiasatan atau Jawatankuasa Tatatertib, jika berkenaan, dan merujukkan perkara tersebut kepadanya bagi siasatan atau siasatan rasmi.

**Lantikan Jawatankuasa Penyiasatan.**

38. (1) Lembaga boleh melantik satu Jawatankuasa Penyiasatan atau lebih yang mengandungi —

*(a)* dalam hal aduan terhadap seseorang arkitek berdaftar —

- (i) seorang pengerusi yang merupakan ahli Lembaga dan juga arkitek berdaftar;
- (ii) 2 orang ahli Panel Penyiasatan yang merupakan arkitek berdaftar; dan
- (iii) seorang ahli Panel Penyiasatan yang merupakan profesional bersekutu atau orang yang bukan ahli;

*(b)* dalam hal aduan terhadap seseorang jurutera profesional berdaftar —

- (i) seorang pengerusi yang merupakan ahli Lembaga dan juga jurutera profesional berdaftar;
- (ii) 2 orang ahli Panel Penyiasatan yang merupakan jurutera profesional berdaftar; dan
- (iii) seorang ahli Panel Penyiasatan yang merupakan profesional bersekutu atau orang yang bukan ahli;

*(c)* dalam hal aduan terhadap seseorang juruukur bahan berdaftar —

- (i) seorang pengerusi yang merupakan ahli Lembaga dan juga juruukur bahan berdaftar;
- (ii) 2 orang ahli Panel Penyiasatan yang merupakan juruukur bahan berdaftar; dan

- (iii) seorang ahli Panel Penyiasatan yang merupakan profesional bersekutu atau orang yang bukan ahli,

untuk menyiasat mengenai sebarang aduan atau maklumat yang diterima oleh Lembaga di bawah bab 36.

(2) Seseorang ahli Panel Penyiasatan yang telah membantu Pendaftar dalam mengkaji semula sebarang aduan atau maklumat di bawah bab 37(4)(b) hendaklah bukan seorang ahli Jawatankuasa Penyiasatan yang menyiasat mengenai perkara yang sama.

(3) Jawatankuasa Penyiasatan boleh dilantik berhubung dengan satu perkara atau lebih atau bagi suatu tempoh yang ditetapkan, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(4) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, membatalkan lantikan pengerusi atau mana-mana ahli Jawatankuasa Penyiasatan atau mengisi sebarang kekosongan dalam Jawatankuasa Penyiasatan.

(5) Apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh atau di bawah kuasa Jawatankuasa Penyiasatan tidak akan menjadi tidak sah akibat dari sebarang kecacatan yang didapati kemudiannya dalam lantikan atau kelayakan pengerusi atau ahli-ahlinya atau mana-mana daripada mereka.

(6) Pengerusi Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah, walaupun dia tidak lagi menjadi ahli Lembaga pada tamat tempohnya memegang jawatan, terus menjadi pengerusi Jawatankuasa Penyiasatan itu sehingga Jawatankuasa Penyiasatan itu telah menyelesaikan kerjanya.

(7) Seseorang ahli Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah, walaupun dia tidak lagi menjadi ahli Panel Penyiasatan pada tamat tempohnya memegang jawatan, terus menjadi ahli Jawatankuasa Penyiasatan itu sehingga masa Jawatankuasa Penyiasatan itu telah menyelesaikan kerjanya.

**Kuasa-kuasa dan prosedur Jawatankuasa Penyiasatan.**

39. (1) Bagi maksud-maksud sebarang siasatan, Jawatankuasa Penyiasatan boleh menghendaki mana-mana orang —

(a) untuk hadir pada masa dan di tempat yang ditentukan dan memberi keterangan di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan itu; dan

(b) untuk mengemukakan semua buku, dokumen dan kertas yang ada dalam simpanannya atau di bawah kawalannya yang mungkin berkaitan atau berhubungan dengan hal perkara siasatan tersebut.

(2) Mana-mana orang yang, tanpa alasan yang sah —

(a) enggan atau gagal mematuhi sebarang kehendak Jawatankuasa Penyiasatan itu di bawah ceraian (1); atau

(b) enggan menjawab atau memberi jawapan yang salah kepada sebarang soalan yang diajukan kepadanya oleh seseorang ahli Jawatankuasa Penyiasatan itu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

(3) Tertakluk kepada aturan-aturannya, Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah mempunyai kuasa untuk mengawalselia prosedurnya sendiri bagi suatu siasatan.

(4) Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah menyelesaikan siasatannya tidak lewat dari 3 bulan daripada tarikh perkara yang akan disiasat itu dirujukkan kepadanya, melainkan jika Lembaga membenarkan selainnya, atas permohonan Jawatankuasa Penyiasatan itu.

**Pendapat Jawatankuasa Penyiasatan.**

40. Selepas menjalankan siasatan yang sewajarnya ke atas sebarang aduan atau maklumat, Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah melaporkan pendapatnya kepada Lembaga dan mencadangkan kepada Lembaga supaya melakukan mana-mana yang berikut —

(a) memerintahkan supaya aduan atau maklumat itu ditolak;

(b) memerintahkan supaya arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar dikeluarkan dengan surat nasihat atau surat amaran;

(c) memerintahkan supaya suatu siasatan rasmi diadakan oleh Jawatankuasa Tatatertib;

(d) membuat perintah lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

**Keputusan Lembaga.**

41. (1) Selepas menerima pendapat dan cadangan Jawatankuasa Penyiasatan, Lembaga boleh —

(a) menerima cadangan itu dan membuat perintah yang dicadangkan itu;

(b) merujukkan balik perkara tersebut kepada Jawatankuasa Penyiasatan bagi siasatan lanjut; atau

(c) membuat perintah lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Lembaga tidak boleh —

(a) mengeluarkan apa-apa surat nasihat atau surat amaran kepada seseorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar menurut cadangan Jawatankuasa Penyiasatan itu di bawah bab 40(b); atau

(b) membuat sebarang perintah lain terhadap arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar menurut cadangan Jawatankuasa Penyiasatan itu di bawah bab 40(d),

melainkan jika Lembaga berpuashati bahawa Jawatankuasa Penyiasatan itu telah memberi kepada arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar yang berkenaan peluang untuk didengar sama ada sendiri atau melalui peguam semasa siasatan itu dijalankan.

(3) Lembaga hendaklah memberitahu orang yang membuat aduan itu atau memberi maklumat itu mengenai keputusannya.

(4) Seseorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar yang tidak puas hati dengan sebarang nasihat atau perintah Lembaga, iaitu nasihat atau perintah yang disebut dalam bab 40(b) atau (d), boleh, dalam masa 30 hari dari keputusan Lembaga itu diberitahu, merayu kepada Menteri, yang keputusannya adalah muktamad.

(5) Jika orang yang membuat aduan itu atau memberi maklumat itu kepada Lembaga tidak berpuashati dengan keputusan Lembaga di bawah bab 40(a), (b) atau (d), dia boleh, dalam masa 30 hari dari keputusan Lembaga itu diberitahu, merayu kepada Menteri, yang keputusannya adalah muktamad.

(6) Menteri boleh, berkenaan dengan suatu rayuan di bawah ceraian (4) atau (5), membuat —

(a) suatu perintah yang mengesahkan keputusan Lembaga;

(b) suatu perintah yang mengarahkan supaya suatu siasatan rasmi diadakan oleh Jawatankuasa Tatatertib; atau

(c) perintah lain sebagaimana yang difikirkannya patut.

**Lantikan Jawatankuasa Tatatertib.**

42. (1) Lembaga boleh melantik satu Jawatankuasa Tatatertib atau lebih untuk menyiasat secara rasmi ke atas —

(a) sebarang aduan atau maklumat yang berkaitan dengannya Menteri telah, di bawah bab 41(6)(b) membuat suatu perintah supaya suatu siasatan rasmi diadakan oleh Jawatankuasa Tatatertib; atau

(b) apa-apa perkara yang dicadangkan kepada Lembaga di bawah bab 37(6)(b).

(2) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mengandungi —

(a) dalam hal aduan terhadap seseorang arkitek berdaftar, 3 orang arkitek berdaftar yang telah menjalankan amalan sekurang-kurangnya 10 tahun, sekurang-kurangnya 2 orang daripada mereka adalah ahli Lembaga;

(b) dalam hal aduan terhadap seseorang jurutera profesional berdaftar, 3 orang jurutera profesional berdaftar yang telah menjalankan amalan sekurang-kurangnya 10 tahun, sekurang-kurangnya 2 orang daripada mereka adalah ahli Lembaga;

(c) dalam hal aduan terhadap seseorang juruukur bahan berdaftar, 3 orang juruukur bahan berdaftar yang telah menjalankan amalan sekurang-kurangnya 10 tahun, sekurang-kurangnya 2 orang daripada mereka adalah ahli Lembaga.

(3) Jawatankuasa Tatatertib boleh dilantik berhubung dengan satu perkara atau lebih atau bagi suatu tempoh yang ditetapkan, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(4) Pengurus atau seseorang ahli Jawatankuasa Penyiasatan yang menyiasat mengenai sebarang aduan atau maklumat hendaklah bukan seorang ahli Jawatankuasa Tatatertib yang menyiasat mengenai perkara yang sama.

(5) Lembaga hendaklah melantik seorang ahli Jawatankuasa Tatatertib sebagai pengurus Jawatankuasa Tatatertib itu.

(6) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, membatalkan lantikan mana-mana Jawatankuasa Tatatertib atau mana-mana ahlinya atau mengisi sebarang kekosongan dalam Jawatankuasa Tatatertib.

(7) Apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh atau di bawah kuasa Jawatankuasa Tatatertib tidak akan menjadi tidak sah akibat dari sebarang

kecacatan yang didapati kemudiannya dalam lantikan atau kelayakan ahli-ahlinya atau mana-mana daripada mereka.

{8} Seseorang ahli Jawatankuasa Tatatertib hendaklah, walaupun dia tidak lagi menjadi ahli Lembaga pada tamat tempohnya memegang jawatan, terus menjadi ahli Jawatankuasa Tatatertib itu sehingga Jawatankuasa Tatatertib itu telah menyelesaikan kerjanya.

**Pemerhati.**

43. (1) Lembaga hendaklah melantik seorang ahli Panel Penyiasatan yang merupakan profesional bersekutu atau orang yang bukan ahli sebagai pemerhati prosiding Jawatankuasa Tatatertib, kecuali bahawa orang yang dilantik itu tidak semestinya membantu Pendaftar dalam mengkaji semula sebarang aduan atau maklumat di bawah bab 37{4}/b) atau tidak semestinya seorang ahli Jawatankuasa Penyiasatan yang telah menyiasat mengenai perkara yang sama.

(2) Pemerhati itu tidak boleh mengundi mengenai apa-apa persoalan atau perkara yang akan diputuskan oleh Jawatankuasa Tatatertib dan tidak perlu hadir dalam setiap mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib.

**Arkitek, jurutera profesional atau juruukur bahan hendaklah diberitahu mengenai siasatan.**

44. (1) Sebelum Jawatankuasa Tatatertib memulakan siasatan rasminya ke atas sebarang aduan atau maklumat yang dirujukkan kepadanya, Pendaftar hendaklah menyampaikan kepada arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar yang berkenaan suatu notis mengenai siasatan rasmi itu.

(2) Suatu siasatan tidak boleh ditetapkan pada suatu tarikh yang lebih awal dari 21 hari selepas tarikh notis mengenai siasatan itu kecuali dengan persetujuan arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar.

(3) Atas permohonan kepada Jawatankuasa Tatatertib, arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar boleh meminta supaya siasatan rasmi itu ditangguhkan, dan Jawatankuasa Tatatertib boleh, atas budi bicaranya, membenarkan permohonan itu dan menangguhkan siasatan rasmi itu ke suatu tarikh yang ditentukan olehnya.

**Kuasa-kuasa dan prosedur Jawatankuasa Tatatertib.**

45. (1) Bagi maksud-maksud suatu siasatan rasmi, Jawatankuasa Tatatertib boleh menghendaki mana-mana orang —

(a) untuk hadir pada masa dan di tempat yang ditentukan dan memberi keterangan di hadapan Jawatankuasa Tatatertib itu; dan

(b) untuk mengemukakan semua buku, dokumen dan kertas yang ada dalam simpanannya atau di bawah kawalannya yang mungkin berkaitan atau berhubungan dengan hal perkara siasatan rasmi tersebut.

(2) Mana-mana orang yang, tanpa alasan yang sah —

(a) enggan atau gagal mematuhi sebarang kehendak Jawatankuasa Tatatertib itu di bawah ceraian [1]; atau

(b) enggan menjawab atau memberi jawapan yang salah kepada sebarang soalan yang diajukan kepadanya oleh seseorang ahli Jawatankuasa Tatatertib itu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

(3) Jawatankuasa Tatatertib itu —

(a) tidaklah terikat untuk bertindak dengan apa-apa cara yang formal dan tidaklah terikat oleh peruntukan-peruntukan Akta Keterangan (Penggal 108) atau sebarang undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan keterangan, tetapi boleh memberitahu sendiri mengenai apa-apa perkara mengikut cara sebagaimana yang difikirkannya patut;

(b) boleh mentadbirkan sumpah kepada mana-mana orang yang memberi keterangan di hadapannya; dan

(c) boleh, tertakluk kepada aturan-aturannya, mengawalselia prosedurnya sendiri bagi suatu siasatan rasmi.

(4) Mana-mana pihak dalam posiding di hadapan Jawatankuasa Tatatertib boleh memohon bagi pengeluaran sepina untuk memberi keterangan atau untuk mengemukakan dokumen-dokumen, dan sepina tersebut hendaklah disampaikan dan boleh dikuatkuasakan seolah-olah ia adalah sepina yang dikeluarkan berhubung dengan suatu tindakan sivil di dalam Mahkamah Tinggi.

(5) Mana-mana orang yang memberi keterangan di hadapan Jawatankuasa Tatatertib hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk bercakap benar.

(6) Mana-mana orang yang memberi keterangan dalam suatu siasatan rasmi hendaklah mempunyai keistimewaan dan kekebalan yang sama berkenaan dengan siasatan tersebut seolah-olah ia adalah suatu prosiding di dalam sesebuah mahkamah.

(7) Lembaga boleh melantik seorang peguambela dan peguamcara bagi suatu siasatan rasmi (sama ada untuk meneruskan aduan atau untuk bertindak

sebagai seorang penasihat undang-undang kepada Jawatankuasa Tatatertib itu) dan hendaklah membayar kepada peguambela dan peguamcara itu, sebagai sebahagian dari perbelanjaan Lembaga, suatu ganjaran sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya.

(8) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah menyelesaikan siasatannya tidak lewat dari 6 bulan daripada tarikh lantikannya, melainkan jika Lembaga membenarkan selainnya, atas permohonan Jawatankuasa Tatatertib itu.

(9) Dalam bab-bab 172 hingga 175, 177, 179, 182 dan 228 dari Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22), "kakitangan kerajaan" hendaklah dianggap termasuk seseorang ahli Jawatankuasa Tatatertib yang mengadakan suatu siasatan rasmi, dan dalam bab-bab 193 dan 228 dari Kanun Hukuman Jenayah, "prosiding kehakiman" hendaklah dianggap termasuk siasatan rasmi tersebut.

#### **Pendapat Jawatankuasa Tatatertib.**

46. Jika, selepas menjalankan siasatan yang sewajarnya ke atas suatu aduan atau perkara, Jawatankuasa Tatatertib berpuashati bahawa arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar yang berkenaan –

(a) telah disabitkan atas sebarang kesalahan yang melibatkan penipuan, ketidakjujuran atau keburukan akhlak, atau kecacatan perangainya yang menjadikannya tidak layak bagi profesionnya;

(b) telah bersalah kerana perbuatan atau kelakuan yang tidak senonoh yang, pada pendapat Jawatankuasa Tatatertib itu, menyebabkan profesionnya mendapat nama buruk;

(c) telah melanggar sebarang peruntukan kod kelakuan dan etika profesional yang ditetapkan;

(d) tidak lagi dapat melaksanakan kewajipan-kewajipan seorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar dengan berkesan di Negara Brunei Darussalam; atau

(e) semasa menjadi seorang pengarah, pengurus atau pekerja suatu badan korporat berlesen, atau seorang rakan kongsi, pengurus atau pekerja suatu perkongsian berlesen, gagal mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi menghalang badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad itu dari bertindak dengan cara (selain dari yang dinyatakan dalam bab 33(1)(e)) yang mewajarkan Lembaga membatalkan sebarang lesen yang diberikan kepada badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad itu atau mengenakan suatu penalti di bawah bab 33(2),

maka Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah melaporkan pendapatnya dan membuat cadangan kepada Lembaga.

**Keputusan Lembaga.**

47. (1) Selepas menerima pendapat dan cadangan di bawah bab 46, Lembaga boleh mengesahkan cadangan itu dan menjalankan salah satu atau lebih dari kuasa-kuasa yang disebut dalam ceraian (2).

(2) Kuasa-kuasa yang boleh dijalankan oleh Lembaga bagi maksud-maksud ceraian (1) adalah seperti berikut —

*(a)* dengan perintah mengarahkan Pendaftar untuk mengeluarkan nama arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar dari daftar arkitek, daftar jurutera profesional atau daftar juruukur bahan;

*(b)* dengan perintah menggantung arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar dari menjalankan amalan bagi suatu tempoh tidak lebih dari 2 tahun;

*(c)* dengan perintah mengenakan kepada arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar suatu penalti tidak melebihi dari \$10,000;

*(d)* secara bertulis menegur arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar; atau

*(e)* membuat perintah lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(3) Selain dari kuasa-kuasanya di bawah ceraian (2), Lembaga boleh memerintahkan supaya arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar yang berkenaan membayar kepada Lembaga suatu jumlah wang, tidak melebihi dari \$10,000, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga berkaitan dengan kos dan perbelanjaan sebarang prosiding dan kos dan perbelanjaan yang bersampingan dengan sebarang prosiding terhadapnya di bawah Bahagian ini.

(4) Jika Lembaga mendapati bahawa arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar tidak disabitkan atau bersalah atas sebarang perkara yang disebut dalam bab 46/a) hingga *(e)*, maka Lembaga hendaklah memerintahkan supaya aduan atau maklumat itu ditolak.

(5) Kos dan perbelanjaan yang disebut dalam ceraian (3) hendaklah termasuk —

*(a)* kos dan perbelanjaan mana-mana peguambela dan peguamcara yang dilantik oleh Lembaga bagi prosiding di hadapan Jawatankuasa Tatatertib;

(b) perbelanjaan yang munasabah yang dibayar oleh Lembaga kepada saksi-saksi; dan

(c) perbelanjaan yang munasabah yang diperlukan bagi menjalankan prosiding di hadapan Jawatankuasa Tatatertib.

(6) Pendaftar hendaklah menyampaikan kepada arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar yang berkenaan suatu notis mengenai perintah yang dibuat oleh Lembaga.

(7) Tertakluk kepada ceraian (8), suatu perintah yang disebut dalam ceraian (2) tidak akan berkuatkuasa sehingga tamat tempoh 30 hari selepas perintah itu dibuat.

(8) Apabila suatu perintah yang disebut dalam ceraian (2)/a) atau (b) dibuat, Lembaga, jika berpuashati bahawa adalah perlu untuk mengeluarkan nama arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar yang berkenaan dari daftar arkitek, daftar jurutera profesional atau daftar juruukur bahan atau untuk menggantungnya dari menjalankan amalan, bagi melindungi orang ramai atau adalah bagi kepentingan terbaik arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar, boleh memerintahkan supaya Pendaftar mengeluarkan namanya dengan serta-merta dari daftar atau menggantungnya dari menjalankan amalan.

(9) Suatu perintah di bawah ceraian (8) hendaklah berkuatkuasa mulai dari masa perintah itu dibuat.

(10) Semasa mana-mana perintah penggantungan dari menjalankan amalan yang dibuat di bawah ceraian (2)/b) masih berkuatkuasa, orang yang dikenakan perintah itu tidak boleh dianggap, bagi maksud-maksud Perintah ini, sebagai mempunyai sijil menjalankan amalan yang berkuatkuasa tetapi dengan serta-merta pada tamat tempoh atau pembatalan perintah itu, keistimewaan-keistimewaannya di bawah Perintah ini hendaklah dihidupkan mulai dari tarikh tamat tempoh atau pembatalannya.

(11) Bagi maksud-maksud bab 46/e), seseorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar tidak boleh dianggap telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menghalang apa-apa perbuatan dari dilakukan oleh suatu badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad berlesen melainkan jika dia memuaskan hati Lembaga bahawa —

(a) perbuatan itu dilakukan tanpa pengetahuannya;

(b) dia tidak dapat mempengaruhi perjalanan badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad itu berkenaan dengan tindakannya; atau

(c) dia, yang berada dalam kedudukan tersebut, telah menjalankan segala usaha yang sewajarnya untuk menghalang badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad itu dari bertindak demikian.

(12) Dalam bab ini, sebutan-sebutan kepada perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh suatu badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad berlesen termasuk sebutan-sebutan kepada peninggalan daripada melakukan perbuatan dan kepada satu siri perbuatan atau peninggalan daripada melakukan perbuatan.

(13) Setiap penalti yang dikenakan di bawah suatu perintah yang dibuat oleh Lembaga di bawah ceraian (2) [atau yang diperintahkan untuk dibayar di bawah ceraian (3)] boleh didapatkan balik sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Lembaga.

**Rayuan terhadap perintah Lembaga.**

48. Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan suatu keputusan Lembaga yang disebut dalam bab 47(2), (3) atau (4) boleh, dalam masa 30 hari selepas notis mengenai perintah itu disampaikan kepadanya, merayu kepada Menteri terhadap perintah itu yang keputusannya adalah muktamad.

**Sabitan adalah terakhir dan muktamad.**

49. Dalam sebarang prosiding di bawah Bahagian ini berkenaan dengan sabitan seseorang arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar atas suatu kesalahan jenayah, maka Menteri, Lembaga, Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib, atas rayuan dari sebarang perintah Lembaga, hendaklah menerima sabitannya sebagai terakhir dan muktamad.

**Penyampaian dokumen.**

50. Sebarang notis, perintah atau dokumen yang dikehendaki atau dibenarkan untuk disampaikan di bawah Bahagian ini hendaklah dianggap sebagai memadai disampaikan —

(a) dengan menyerahkan sendiri satu salinannya atau dengan meninggalkannya kepada orang dewasa di tempat kediaman atau perniagaan orang itu yang terakhir diketahui yang kepadanya ia hendak disampaikan; atau

(b) dengan mengirimkannya melalui pos berdaftar yang ditujukan kepada orang yang kepadanya ia hendak disampaikan di alamatnya seperti yang dinyatakan dalam daftar yang berkenaan.

## BAHAGIAN VIII

### AM

**Hukuman kerana memalsukan daftar dengan sengaja dan memperolehi pendaftaran dengan salah dll.**

51. Mana-mana orang yang —

(a) dengan sengaja membuat atau menyebabkan untuk dibuat apa-apa catatan yang salah dalam atau sebarang pemalsuan mana-mana daftar yang disimpan dan diselenggarakan di bawah Perintah ini;

(b) dengan sengaja memperolehi atau cuba memperolehi —

(i) bagi mana-mana badan korporat, perkongsian atau perkongsian tanggungan berhad suatu lesen; atau

(ii) bagi dirinya atau mana-mana orang lain sijil menjalankan amalan atau untuk didaftarkan sebagai seorang arkitek, jurutera profesional atau juruukur bahan di bawah Perintah ini,

dengan membuat atau mengemukakan atau menyebabkan untuk dibuat atau dikemukakan sebarang pernyataan atau pengakuan palsu atau tipuan, sama ada secara lisan atau bertulis, atau dengan sengaja mendiamkan apa-apa fakta penting dan memberi maklumat yang mengelirukan; atau

(c) dengan mengetahui memberi pertolongan atau bantuan dalam sebarang perbuatan yang disebutkan dalam perenggan (a) atau (b),

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

**Kesalahan yang dilakukan oleh badan korporat dll.**

52. (1) Jika suatu kesalahan di bawah Perintah ini yang telah dilakukan oleh suatu badan korporat terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan oleh sebarang kecuaian di pihak, seseorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya badan korporat itu atau mana-mana orang yang dikatakan bertindak atas jawatan tersebut, maka dia, dan juga badan korporat itu, adalah melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(2) Jika urusan suatu badan korporat diuruskan oleh ahli-ahlinya, ceraian (1) dikenakan berkaitan dengan perbuatan dan keingkaran seseorang ahli berhubung dengan tugas-tugas pengurusannya seolah-olah dia adalah seorang pengarah badan korporat itu.

**Pengecualian.**

53. Menteri boleh, setelah berunding dengan Lembaga, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang dari semua atau sebarang peruntukan Perintah ini.

**Tiada tindakan sekiranya tidak ada niat buruk atau niat jahat.**

54. Tiada tindakan atau prosiding boleh dikemukakan terhadap Lembaga, mana-mana jawatankuasa atau bahagian yang dilantik oleh Lembaga atau mana-mana ahlinya kerana apa-apa perbuatan atau hal yang dilakukan dengan suci hati dalam melaksanakan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini.

**Aturan-aturan.**

55. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan yang perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan bayaran dan apa-apa hal lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Perintah ini dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan makna ceraian (1), Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan —

(a) yang menetapkan borang permohonan di bawah Perintah ini dan sijil pendaftaran, sijil menjalankan amalan dan lesen;

(b) yang menetapkan hal perkara peperiksaan yang akan dijalankan oleh atau di bawah arahan Lembaga dalam hal pemohon atau golongan pemohon bagi pendaftaran;

(c) yang menetapkan borang bagaimana daftar arkitek, daftar jurutera profesional, daftar juruukur bahan, daftar pengamal dan daftar pemegang lesen akan disimpan dan butir-butir yang akan dicatatkan di dalamnya;

(d) yang menetapkan kod kelakuan dan etika profesional;

(e) yang menghendaki semua atau mana-mana yang berikut untuk mengambil dan menyelenggarakan insurans daripada liabiliti kerana pelanggaran kewajipan profesional semasa memberikan perkhidmatan seni bina, kejuruteraan profesional atau ukur bahan —

(i) mana-mana perkongsian yang semuanya terdiri daripada arkitek-arkitek berdaftar;

- (ii) mana-mana perkongsian yang semuanya terdiri daripada jurutera-jurutera profesional berdaftar;
- (iii) mana-mana perkongsian yang semuanya terdiri daripada juruukur-juruukur bahan berdaftar;
- (iv) mana-mana perkongsian yang memohon suatu lesen;
- (v) mana-mana perkongsian tanggungan berhad yang memohon suatu lesen;
- (vi) mana-mana arkitek berdaftar yang memohon sijil menjalankan amalan bagi maksud melibatkan diri dalam amalan seni bina atas tanggungannya sendiri;
- (vii) mana-mana jurutera profesional berdaftar yang memohon sijil menjalankan amalan bagi maksud melibatkan diri dalam amalan kejuruteraan profesional atas tanggungannya sendiri;
- (viii) mana-mana juruukur bahan berdaftar yang memohon sijil menjalankan amalan bagi maksud melibatkan diri dalam amalan ukur bahan atas tanggungannya sendiri;
- (ix) mana-mana arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar yang memohon sijil menjalankan amalan yang digaji atau akan digaji oleh mana-mana orang yang disebut dalam perenggan-perenggan kecil (i) hingga (vii);
- (x) mana-mana arkitek berdaftar, jurutera profesional berdaftar atau juruukur bahan berdaftar lain yang memohon sijil menjalankan amalan;

*(f)* yang menetapkan terma-terma dan syarat-syarat insurans daripada liabiliti profesional di bawah Perintah ini atau aturan-aturannya, termasuk had minimum indemniti.

Diperbuat pada hari ini 21 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1432 bersamaan dengan 26 haribulan Mac, 2011 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM